

# MENYOKONG ANAK ANDA



*Panduan ibu bapa untuk anak-anak kecil  
yang memerlukan intervensi awal*



# KATA PENDAHULUAN

## Ibu bapa yang dihormati<sup>1</sup>,

Setiap anak adalah unik dan istimewa dengan caranya sendiri. Sebagai ibu bapa, kita berusaha memberikan peluang yang terbaik untuk anak-anak kita membesar, berkembang dan mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Anda mungkin telah mengambil panduan ini kerana anda ingin tahu dengan lebih lanjut atau mempunyai kebimbangan tentang perkembangan anak anda. Anda mungkin ingin lebih banyak maklumat kerana:

- Anda mendapat anak anda menghadapi lebih banyak cabaran berbanding rakan sebayanya dan tidak pasti apa yang perlu dilakukan seterusnya.
- Guru anak anda menyarankan anak anda dirujuk untuk penilaian perkembangandengan pakar pediatrik atau program sokongan.
- Doktor telah mengesahkan bahawa anak anda mengalami masalah perkembangan dan meminta anda mempertimbangkan perkhidmatan Intervensi Awal (early intervention).
- Anda ingin mempelajari cara-cara untuk anda dan keluarga anda menyokong anak anda.

Panduan ini boleh menjawab beberapa soalan anda. Disusun oleh sekumpulan penjaga, ahli perubatan, ahli persekutuan kesihatan (allied health professional), Ahli Intervensi Awal (early intervention professional) dan pendidik awal kanak-kanak (early childhood educator), panduan ini menyokong ibu bapa kanak-kanak yang mungkin mempunyai Keperluan Pembangunan.

Ia bertujuan untuk membantu anda memahami:

- Keperluan anak anda
- Cara mendapatkan sokongan Intervensi Awal untuk anak anda
- Cara menyokong pembangunan dan peralihan anak anda dari prasekolah ke sekolah rendah/pendidikan khas
- Cara mendapatkan sokongan untuk diri anda dan keluarga anda

Walaupun panduan ini bukan pengganti nasihat profesional, saya harap panduan ini akan memberi anda lebih banyak pemahaman dan rujukan untuk mendapatkan sokongan. Jangan ragu untuk berhubung jika anda memerlukan bantuan dan untuk terus bekerjasama dengan doktor dan guru anak anda bagi menyokong perkembangan anak anda dengan sebaik-baiknya.

Ia memerlukan hujan dan cahaya matahari untuk menghasilkan pelangi. Saya mengucapkan selamat maju jaya untuk anda semua dalam perjalanan keibubapa anda.

Yang benar,

**Cik Sun Xueling**  
Menteri Negara  
(Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan)

<sup>1</sup> Penjaga anak tidak semestinya ibu bapa mereka, tetapi juga datuk dan neneh, ibu bapa angkat, ibu saudara/bapa saudara atau adik beradik yang lebih tua. Istilah ibu bapa telah digunakan sebagai rujukan yang menyeluruh untuk mewakili semua penjaga.

# JADUAL KANDUNGAN

01

## MEMAHAMI PERKEMBANGAN ANAK ANDA



- Memahami perkembangan anak
- Memahami Keperluan Perkembangan (DN)
- Mengenal pasti keperluan anak anda



02

## MENDAPATKAN PERKHIDMATAN INTERVENSI AWAL



- Apa itu Intervensi Awal (EI)
- Perkara yang perlu dipertimbangkan semasa menilai jenis perkhidmatan dan penyedia perkhidmatan EI
- Perkhidmatan EI yang dibiayai oleh kerajaan
- Peralihan keluar daripada perkhidmatan EI
- Perkara yang boleh anda lakukan untuk menyokong anak anda

PENERANGAN



Ciri-ciri



Maklumat dan  
Bacaan Lanjut



Semakan  
Emosi



Seruan untuk  
Bertindak



Salah Tanggapan Umum



03

## PERALIHAN DARIPADA EI KE PERUNTUKAN SEKOLAH MENGIKUT UMUR

- Perkara yang perlu dipertimbangkan semasa memilih laluan yang sesuai
- Memahami laluan pendidikan yang berbeza
- Perkara yang anda boleh lakukan untuk memudahkan peralihan anak anda

04

## MENYOKONG DIRI ANDA DAN KELUARGA ANDA



- Bagaimana anda boleh mempersiapkan diri sebagai penjaga
- Subsidi yang anda boleh memanfaatkan sebagai penjaga
- Melibatkan keluarga anda
- Bagaimana anda boleh menjaga diri anda
- Merancang perjalanan penjagaan seumur hidup yang mampan

## LAMPIRAN

Klik butang **Jadual Kandungan** untuk kembali ke halaman ini

01

# MEMAHAMI PERKEMBANGAN ANAK ANDA



**K**anak-kanak berkembang mengikut tahap kelajuan mereka sendiri dalam pelbagai bidang. Ini bermakna bahawa mereka mungkin berkembang lebih cepat di bahagian tertentu dan lebih perlahan di bahagian yang lain. Pemantauan yang kerap terhadap perkembangan anak anda adalah penting untuk memastikan dia berkembang dengan baik. Bab ini akan memberi tumpuan kepada perkara berikut:

1



2



3



- Apakah yang dimaksudkan untuk anak anda berkembang secara biasa;
- Apakah yang dimaksudkan jika anak anda mempunyai Keperluan Pembangunan (Developmental Needs (DN));
- Apakah bahagian perkembangan yang perlu dipantau;
- Mengapa pemeriksaan kerap itu penting; dan
- Perkara yang anda boleh lakukan jika anda mengesyaki anak anda mungkin mempunyai DN.

# MEMAHAMI PERKEMBANGAN ANAK

## PERKEMBANGAN DALAM DIRI KANAK-KANAK

Perkembangan kanak-kanak merangkumi sekurang-kurangnya lima bahagian:

### 1 SOSIAL DAN EMOSI

**Kemahiran interaksi sosial** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk mendekati dan mengekalkan hubungan dengan orang lain. Ini termasuk menyertai kanak-kanak lain dalam kumpulan, berkenalan dengan kanak-kanak lain dan bertindak balas dengan sewajarnya terhadap isyarat sosial.

**Kemahiran sosial-emosi** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk memahami dan mengurus emosi mereka sendiri dan menyelesaikan masalah. Ini termasuk mengenali mimik muka dan emosi orang lain, bersikap tenang apabila berasa kecewa, memikirkan penyelesaian yang mampu dilakukan dan membuat keputusan yang baik.

### 2 FIZIKAL DAN MOTOR

**Kemahiran motor kasar** memerlukan pergerakan seluruh badan, melibatkan otot-otot besar di lengan, kaki, dan badan yang selaras.

Ini termasuk berlari, melompat, berbasikal, berenang, melontar, bermain tangkap dan keseimbangan.

**Kemahiran motor halus** melibatkan pergerakan otot-otot kecil di tangan dan pergelangan tangan.

Ini termasuk memotong dengan gunting, menulis, melukis, memasang butang dan mengikat tali kasut.

### 3 BAHASA DAN KOMUNIKASI

**Bahasa** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk bercakap, mendengar, dan memahami orang lain.

Ini termasuk memahami gerak isyarat dan soalan yang diajukan kepada kanak-kanak tersebut.

**Komunikasi** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk meluahkan ungkapan mereka dengan jelas.

Ini termasuk tindak balas secara bukan lisan (cth. menggunakan gerak isyarat, mimik muka dan pandangan mata) dan/atau secara lisan (cth. menamakan objek dan gambar, meluahkan fikiran mereka dalam perkataan, dan bercerita kepada orang lain).

### 4 PENGLIHATAN DAN PENDENGARAN

**Penglihatan atau visual** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk melihat. Masalah penglihatan atau visual termasuk separuh lihat dan buta. Ini termasuk kehilangan medan visual, keletihan visual, kesukaran dengan persepsi bentuk-latar, dan kekurangan kecekapan visual.

**Pendengaran** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk mengesan, mengenalimembezakan, mempertimbangkan dan/atau memahami maklumat audio.

Kehilangan pendengaran menjangkau daripada tahap ringan hingga ke tahap mendalam. Ia boleh berlaku pada satu atau kedua telinga.

### 5 KOGNISI

**Pembelajaran dan ingatan** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu melalui pengalaman, memori serta memanfaatkan maklumat yang diperoleh.

Ini termasuk memahami dan memproses maklumat baharu mengenai diri sendiri dan dunia melalui pengalaman praktikal atau bermain serta mengenali dan mengingati objek dan peristiwa.

**Perhatian dan penaakulan logik** merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk memberi perhatian dan tumpuan, dan untuk menunjukkan pemikiran logik dengan menganalisi dan menggunakan maklumat untuk merancang, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan.

Ini termasuk menunjukkan tindakan ingin tahu, bertanyakan soalan, memahami dan meneroka dunia di sekeliling mereka, memberi tumpuan kepada tugas dan tidak mengendahkan gangguan, selidik objek dan situasi untuk memahami sebab dan akibat, dan membuat kesimpulan.

Perkembangan dalam domain ini biasanya berlaku dengan cara yang boleh diramal semasa zaman kanak-kanak, dan kebanyakan kanak-kanak mencapai kemahiran perkembangan tertentu secara teratur pada umur tertentu.

# MEMAHAMI KEPENTINGAN SARINGAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Saringan Perkembangan Kanak-Kanak (Childhood Developmental Screening (CDS)), juga dikenali sebagai Pemeriksaan Bayi Sihat, dijalankan untuk mengenal pasti kanak-kanak berisiko kelewatan perkembangan untuk intervensi awal.

Adalah disyorkan supaya CDS dijalankan untuk semua kanak-kanak pada **tujuh titik sentuh yang ditentukan**, atau titik masa, sepanjang enam tahun pertama, termasuk saringan pertama yang dilakukan di hospital waktu kelahiran. Setiap lawatan merangkumi gabungan pemantauan pertumbuhan, pemeriksaan fizikal, dan pemeriksaan perkembangan kemahiran sosial, motor dan pertuturan. Saringan ini biasanya dijadualkan

seiring dengan vaksinasi kanak-kanak yang disyorkan di bawah Jadual Imunisasi Kanak-kanak Nasional (National Childhood Immunisation Schedule). Maklumat lanjut boleh didapati *di sini*.

**Dengan menjalani CDS dan berbincang dengan ahli perubatan, ia boleh membantu anda berasa lebih yakin tentang perkembangan anak anda atau mengenal pasti sebarang kekurangandegan lebih awal.** Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang anak anda, anda boleh menyuarakannya semasa pemeriksaan ini. Para profesional ini akan memberi anda maklumat lanjut untuk membantu anda membuat keputusan yang terbaik untuk menyokong anak anda.



## Apa Yang Boleh Anda Lakukan

- Perhatikan perkembangan anak anda; saranan boleh didapati di laman web [HealthHub](#) dan [Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga \(Ministry of Social and Family Development\)](#).
- Ketahui jika anak anda memperolehi pencapaian sasaran mengikut umur melalui [Buku Kesihatan \(Health Booklet\)](#) dan catatkan pemantauan anda dalam buku kesihatan digital mereka melalui [aplikasi HealthHub](#). Anda boleh berkongsi pencapaian dan carta pertumbuhan ini dengan doktor dan jururawat pada temujanji perubatan anak anda untuk membantu penilaian mereka.
- Bawa anak anda ke [Klinik Doktor Swasta \(General Practitioner \(GP\)\) Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat \(Community Health Assist Scheme \(CHAS\)\)](#) terdekat atau senarai poliklinik yang disyorkan CDS.
- Ketahui lebih lanjut tentang subsidi yang tersedia untuk temujanji CDS anak anda. Anak-anak warganegara Singapura yang layak akan menerima subsidi penuh untuk tujuh titik perhubungan CDS, sama ada di klinik GP CHAS atau poliklinik. Kanak-kanak yang merupakan warganegara Singapura layak mendapat sehingga satu lawatan CDS bersubsidi untuk setiap pencapaian penting dalam lingkungan umur yang ditetapkan.

*Untuk bacaan dan sumber lanjut mengenai perkembangan anak, anda boleh merujuk kepada [Panduan Keupayaan](#).*



# MEMAHAMI KEPERLUAN PERKEMBANGAN (DN)

## PENERANGAN DEVELOPMENTAL NEEDS (DN)

Perkembangan terbiasa (Typical Development) melibatkan kanak-kanak **memperolehi tahap perkembangan** dalam sosial-emosi, fizikal atau motor, pertuturan (bahasa dan komunikasi), deria (penglihatan dan pendengaran), dan domain kognitif yang dijangkakan **mengikut lingkungan umur yang ditetapkan**.

Kanak-kanak yang berumur sehingga enam tahun mungkin mempunyai keperluan pembangunan (Development Needs (DN)) jika dia menunjukkan tahap perkembangan yang jauh lebih rendah daripada rakan sebaya. Sebagai contoh, anak prasekolah anda mungkin tidak dapat mengikut arahan tidak kira bagaimana cara anda mengatakannya sementara kebanyakan rakan sebaya boleh. Jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang perkembangan anak anda, anda boleh berbincang dengan ahli perubatan yang mungkin akan menasihatkan agar anak anda diperiksa dengan lebih lanjut. Adalah penting untuk mendapatkan penilaian/diagnosis kerana ia akan membantu anda membuat keputusan bagi intervensi awal (Early Intervention (EI)) yang paling sesuai untuk anak anda. Langkah untuk melalui penilaian harus dilihat sebagai titik permulaan untuk mengenal pasti kekuatan dan keperibadian anak anda, dan ia bukannya penghujung jalan.

Jika anak anda dianggarkan memerlukan sokongan untuk menangani DN atau sebarang kekurangan, dia mungkin memerlukan tahap sokongan EI yang rendah, sederhana atau tinggi.

Jurang antara perkembangan anak anda berbanding dengan rakan sebaya yang berkembang secara biasa akan menunjukkan tahap keamatan DN, dan selanjutnya, tahap **sokongan EI yang diperlukan**. Sebilangan kanak-kanak hanya mempunyai DN tanpa masalah kesihatan lain yang ketara manakala ada kanak-kanak lain yang mungkin mempunyai DN dengan masalah kesihatan lain yang ketara seperti palsi serebrum, kurang daya upaya visual, atau hilang pendengaran yang menyumbang kepada DN. Senarai isu/kondisi perkembangan yang terbiasa dilihat boleh didapati dalam lampiran.

Apabila seorang anak mempunyai DN, mereka lazimnya dilahirkan dengan keperluan tersebut. **Walaupun ini mungkin bukan sesuatu yang kita jangkakan atau rancangkan, terdapat perkara penting yang boleh anda lakukan untuk menyokong anak anda.** Ini termasuk menghantar anak anda untuk penilaian awal supaya intervensi boleh diberikan bagi membantu dia bertambah baik secepat mungkin. Para profesional yang menilai anak anda boleh memberi nasihat jika tahap fungsi perkembangan berada dalam had biasa dan/atau jika pemantauan dan intervensi selanjutnya diperlukan. Kadang-kala, keperluan anak anda mungkin menjadi lebih jelas apabila dia meningkat kedewasaan.

Hampir semua kanak-kanak dengan DN boleh bertambah baik dengan EI dan sokongan yang sesuai.

## MENGENAL PASTI KEPERLUAN ANAK ANDA



Terdapat berbilang titik perhubungan untuk mengesan keperluan anak anda awal

Anak anda paling sering berinteraksi dengan anda dan gurunya. Orang dewasa memainkan peranan penting dalam mengenal pasti ciri-ciri DN yang mungkin ada pada kanak-kanak semasa mereka berinteraksi dan memerhatikan kanak-kanak itu. Apabila anda membawa anak anda ke temujanji CDSnya, kongsi dengan doktor apa yang anda dan orang lain perhatikan tentang perkembangan anak anda.

*Anda boleh merujuk kepada tiga seksyen lanjut untuk melihat bagaimana titik perhubungan ini dapat mengesan keperluan anak anda.*

# ① IBU BAPA ANAK: PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN – MEMERHATIKAN PENCAPAIAN PERKEMBANGAN ANAK ANDA

Anak anda sedang berkembang seperti biasa jika dia memperolehi pencapaian perkembangan bagi peringkat umurnya. Anda boleh mengetahui jika anak anda memperolehi pencapaian sasaran bagi umurnya melalui Buku Kesihatan. Jika anak anda menunjukkan tanda amaran bagi perkembangan berikut atau jika anda mempunyai sebarang kebimbangan tentang perkembangannya, anda perlu melawat poliklinik, GP atau pakar pediatrik seawal mungkin.

## Adakah anda bimbang tentang perkembangan anak anda?

Ambil perhatian perkembangan anak anda dengan memerhati cara dia bermain, bercakap, belajar dan berinteraksi dengan orang lain. Jika anda mendapati sebarang tanda amaran ini, atau mempunyai sebarang kebimbangan tentang perkembangan anak anda, berbincang dengan doktornya serta merta.

	<b>6 bulan</b>	<b>9 bulan</b>	<b>12 bulan</b>	<b>18 bulan</b>	<b>24 bulan</b>	<b>30 bulan</b>	<b>36 bulan</b>	<b>48 bulan</b>
<b>MOTOR KASAR</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak berguling ke mana-mana arah</li> <li>Tidak dapat mengangkat kepala dan dada waktu meniarap</li> <li>Tidak dapat menegakkan kepala waktu duduk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat duduk tanpa sokongan</li> <li>Tidak dapat menanggung berat pada kaki tanpa sokongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat berjalan tanpa sokongan</li> <li>Tidak dapat merangkak, berjalan beruang dan/atau mengesot untuk bergerak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat berjalan sendiri tanpa sokongan</li> <li>Tidak dapat menaiki tangga tanpa sokongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat berlari</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat membaling atau menendang bola</li> <li>Tidak dapat menaiki tangga dengan kedua-dua kakinya setiap anak tangga sambil memegang tiang tangga</li> <li>Tidak dapat melompat dari anak tangga yang rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Selalu terjatuh</li> <li>Tidak dapat menaiki tangga dengan kaki bersilih ganti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat mengayuh basikal roda tiga</li> <li>Tidak dapat berdiri dengan 1 kaki selama 5 saat</li> </ul>
<b>Penggunaan satu lengan/kaki lebih banyak daripada yang lain pada sebarang umur</b>								
<b>MOTOR HALUS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak mencapai dan memegang objek</li> <li>Mengalami kesukaran untuk memasukkan objek ke mulut</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat memindahkan objek dari satu tangan ke satunya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat mengambil objek kecil menggunakan ibu jari dan jari telunjuk</li> <li>Tidak mencari objek yang hilang daripada pandangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat membina menara 2 blok</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat membina menara 4 blok</li> <li>Tidak dapat menconteng</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat membina menara 6 blok</li> <li>Tidak dapat melukis garisan menegak</li> <li>Tidak boleh menyelesaikan teka-teki bentuk yang mudah (cth. teka-teki empat segi, bulatan)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat melukis garisan mendatar</li> <li>Tidak dapat membelek halaman buku papan satu persatu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat melukis bulatan</li> <li>Tidak dapat menggunakan gunting</li> </ul>
<b>PERTUTURAN DAN BAHASA</b>								
<b>SOSIAL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak mengeluarkan bunyi vokal ("ah", "eh", "oh")</li> <li>Tidak terkejut dengan bunyi yang tiba-tiba</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menoleh ke arah bunyi pada paras telinga</li> <li>Tidak membebek ("mama", "dada", "baba")</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menunjuk untuk memberitahu keperluan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menggunakan perkataan "mama" "papa" secara bermakna</li> <li>Tidak dapat turut sebarang perkataan</li> <li>Tidak dapat memahami arahan mudah dengan gerak isyarat ("beri", "datang")</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat bertutur dalam frasa 2-perkataan ("minum susu")</li> <li>Tidak dapat mengikuti arahan mudah tanpa gerak isyarat ("beri saja bola")</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat difahami oleh penjaga biasa</li> <li>Tidak menggunakan kata ganti nama dengan betul</li> <li>Tidak membuat komen yang kerap pada objek dan peristiwa yang menarik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat bertutur dalam ayat 3-perkataan</li> <li>Pertuturan yang tidak jelas</li> <li>Tidak dapat mengikuti arahan 2-bahagian ("Ambil mainan dan berikan kepada saya")</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak dapat bertutur dalam ayat 4-5 perkataan</li> <li>Tidak dapat menceritakan semula cerita kegemaran</li> <li>Tidak dapat mengikuti arahan 3-bahagian</li> </ul>
<b>Hubungan mata yang terhad, tidak konsisten atau tiada pada sebarang umur</b>								
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menunjukkan perasaan sayang kepada penjaga</li> <li>Tidak ketawa atau mengeluarkan nada kuat dan tinggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menjawab apabila dipanggil namanya</li> <li>Tidak mengenali orang yang biasa dengannya</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menggunakan gerak isyarat (cth. melambai-lambai selamat tinggal)</li> <li>Bерmain dengan sebahagian daripada mainan dan bukannya keseluruhan mainan (cth. roda kereta sahaja)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak menunjukkan sesuatu kepada orang lain</li> <li>Tidak meniru orang lain</li> <li>Tidak perasan atau tidak endah apabila penjaga pergi atau kembali</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak meniru tindakan atau perkataan</li> <li>Tidak membawa objek kegemaran untuk ditunjukkan kepada penjaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada permainan berpura-pura</li> <li>Mempunyai hubungan mata yang kurang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak bermain dengan kanak-kanak lain atau tidak bertindak balas terhadap orang di luar keluarga</li> <li>Tidak tahu apa yang orang lain berasa atau fikirkan dengan melihat ekspresi muka mereka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengabaikan kanak-kanak lain atau tidak bertindak balas terhadap orang di luar keluarga</li> <li>Tidak boleh menggunakan tandas, makan atau berpakaian secara berdiri</li> </ul>



## ② AHLI PROFESIONAL PERUBATAN: APA YANG ANDA BOLEH JANGKAKAN PADA TEMUJANJI CDS DENGAN DOKTOR ANAK ANDA

Dari lahir hingga berumur enam tahun, kanak-kanak kerap diperiksa untuk vaksinasi dan temujanji CDS di poliklinik, klinik GP atau pakar paediatric. Doktor mungkin menyuarakan kebimbangan tentang perkembangan anak anda pada lawatan-lawatan ini.

Kebanyakan titik sentuh yang disyorkan untuk CDS bertepatan dengan jadual vaksinasi kanak-kanak, menjadikannya lebih mudah untuk anda membuat temujanji yang selaras untuk CDS dan vaksinasi. Ibu bapa juga perlu ingat untuk membawa anak mereka untuk pemeriksaan di titik sentuh 30 bulan dan 48 bulan yang disyorkan, walaupun tiada vaksinasi yang dijadualkan.

### **Titik sentuh yang disyorkan untuk CDS dan vaksinasi**

Sila jadualkan lawatan ke GP atau poliklinik anda pada tempoh yang dicadangkan.

Umur	Vaksinasi NCIS	Titik Sentuh CDS yang Disyorkan	Julat Umur untuk Titik Sentuh CDS
<b>Semasa Lahir<sup>2</sup></b>	BCG (D1) Hep B (D1)	-	-
<b>4 minggu</b>	-	4 minggu	[1] 4 - 8 minggu
<b>2 bulan</b>	6-dalam-1 (D1) <sup>3</sup>	-	
<b>3 bulan</b>	-		
<b>4 bulan</b>	5-dalam-1 (D2) PCV (D1)	3 bulan atau 4 bulan <sup>4</sup>	[2] 3 - 5 bulan
<b>5 bulan</b>	-	-	
<b>6 bulan</b>	6-dalam-1 (D3) PCV (D2)	6 bulan	
<b>12 bulan</b>	MMR (D1) Varisela (D1) PCV (B1)	12 bulan	[3 & 4] 6 - 12 bulan
<b>15 bulan</b>	MMRV (D2)	-	
<b>18 bulan</b>	5-dalam-1 (B1)	18 bulan	[5] 15 - 22 bulan
<b>30 bulan</b>	-	30 bulan	[6] 24 - 36 bulan
<b>48 bulan</b>	-	48 bulan	[7] 48 - 60 bulan

*Sumber: Kementerian Kesihatan – Saringan Perkembangan Kanak-kanak*

**D1, D2, D3:** Dos 1, Dos 2, Dos 3  
**B1, B2:** Penggalak 1, Penggalak 2

<sup>2</sup>Vaksinasi biasanya dilaksanakan di hospital

<sup>3</sup>Bagi bayi yang dilahirkan oleh ibu yang **HBsAg positif**, mereka akan menerima dos kedua vaksin Hep B monovalen mereka pada umur 1 bulan, diikuti dengan vaksin 5-dalam-1 pada umur 3 bulan.

<sup>4</sup>Para klinikian mungkin ingin menjalankan CDS bersama dengan vaksinasi pada umur tiga bulan bagi kanak-kanak yang bermula pada jadual 5-dalam-1 (DTaP/IPV/Hib), dan pada umur 4 bulan bagi kanak-kanak yang bermula pada jadual 6-dalam-1. Vaksin 5-dalam-1 termasuk DTaP/IPV/Hib. Vaksin 6-dalam-1 merangkumi DTaP/IPV/Hib dan Hep B.



## Apa Yang Boleh Anda Lakukan

**Jika anda bimbang dengan perkembangan anak anda** atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan antara titik sentuh CDS, anda boleh:

- ✓ Gunakan senarai semak perkembangan dalam Buku Kesihatan anak anda dan/atau dalam aplikasi HealthHub dan perhatikan anak anda untuk sebarang tanda DN.
- ✓ Berbincang dengan pendidik anak anda dan/atau dapatkan pendapat perubatan di poliklinik atau klinik GP seawal mungkin. Kanak-kanak di bawah umur satu tahun juga harus menerima rawatan perubatan jika anda bimbang tentang perkembangan mereka pada bila-bila masa. Pendidik atau ahli perubatan anak anda boleh memberi nasihat jika rujukan kepada pakar pediatrik perkembangan diperlukan.
- ✓ Hubungi Hospital Universiti Nasional (NUH) Unit Perkembangan Kanak-kanak (CDU) atau Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (DCD) Hospital Wanita dan Kanak-Kanak (KKH) KK secara langsung untuk temujanji. Klinik-klinik ini berada di bawah Program Perkembangan Kanak-kanak (Child Development Programme) nasional yang dibiayai oleh Kementerian Kesihatan (Ministry Of Health). Sila ambil perhatian bahawa anda tidak akan menerima perkhidmatan bersubsidi tanpa rujukan poliklinik.

## Apakah yang berlaku semasa temujanji di klinik NUH/KKH atau di klinik pakar pediatrik swasta?

### Langkah 1

Pakar pediatrik akan bertanyakan beberapa soalan kepada anda tentang anak anda dan keluarga anda. Ini termasuk keupayaan pembangunan anak anda dan bila dia memperoleh pencapaian tersebut. Pakar pediatrik juga akan bertanya tentang sejarah perubatan keluarga anda dan persekitaran sosial tempat anak anda membesar. Beberapa pertanyaan termasuk sama ada anak anda pergi ke sekolah/tempat penjagaan anak atau dijaga di rumah dan bahasa yang biasa digunakan oleh anak anda. Pakar pediatrik juga akan bertanya kepada anda tentang faktor yang mempengaruhi kesihatan anak anda cth. corak tidurnya, waktu menonton skrin dan tabiat makan.

### Langkah 2

Seterusnya, pakar pediatrik akan memeriksa anak anda untuk mengetahui jika dia sihat daripada segi fizikal. Pakar pediatrik atau jururawat juga akan berinteraksi dengan anak anda untuk mengetahui keupayaan pembangunan anak anda dan bagaimana anak anda berinteraksi dengan orang lain dan bertindak balas terhadap arahan.

### Langkah 3

Jika perlu, pakar pediatrik akan meminta penilaian tambahan, seperti saringan pendengaran/penglihatan, penilaian psikologi/perkembangan, dan soal selidik, yang perlu dilengkapkan oleh anda dan pendidik anak anda untuk memahami profil pembangunan anak anda sepenuhnya.

### Langkah 4

Akhir sekali, pakar pediatrik akan memberi nasihat kepada anda tentang perkhidmatan intervensi yang boleh menyokong anak anda dan menawarkan untuk berjumpa dengan anak anda sekali lagi selepas intervensi lanjut untuk menyemak perkembangan anak anda.

Selain daripada dokumen (cth. sijil kelahiran dan Buku Kesihatan) yang klinik minta untuk anda bawa bersama, anda tidak perlu mempersiapkan anak anda untuk lawatan doktor. Pakar pediatrik akan cuba sedaya upaya untuk menenangkan anak anda dan menjadikan lawatan itu menyeronokkan untuknya. Sebarang interaksi dengan anak anda akan dijalankan dalam persekitaran permainan yang mesra. Kebanyakan kanak-kanak gemar lawatan doktor kerana mereka dapat bermain dengan mainan.

## 3 GURU PRASEKOLAH ANAK: BAGAIMANA PENDIDIK PRASEKOLAH MENGENAL PASTI KEPERLUAN ANAK

Kadang-kadang, pendidik prasekolah anak anda akan berkongsi kebimbangan yang diperhatikan mereka bersama ibu bapa. Memandangkan pendidik anak anda mempunyai pengalaman berinteraksi dengan kanak-kanak, perhatian dan maklum balas mereka adalah penting. Jika anak anda diperhatikan mempunyai beberapa keperluan pembangunan (DN), prasekolah anak anda mungkin mengesyorkan anda membawanya untuk penilaian.

- Bagi kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun yang memerlukan tahap sokongan intervensi awal (EI) yang rendah, pendidik anak anda boleh mengesyorkan program Sokongan Pembangunan dan Sokongan Pembelajaran (Development Support – Learning Support (DS-LS)), yang merupakan program EI yang tersedia di prasekolah.

Jika anak anda memerlukan sokongan lanjut (cth. mengalami perkembangan yang tertangguh dalam bahasa dan komunikasi, tingkah laku yang mengganggu, atau memudaratakan dirinya sendiri dan/ atau orang lain), prasekolah mungkin mengesyorkan anda membuat temujanji di klinik Program Perkembangan Kanak-kanak (CDP) (iaitu NUH CDU atau KKH DCD) untuk mengetahui jika Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-Kanak (Early Intervention Programme for Infants and Children (EIPIC)) akan membantu anak anda. Pusat EI mempunyai pendidik EI dalam dan Pakar Persekutuan Kesihatan (allied health professional), dan sesi dijalankan dalam saiz kelas yang lebih kecil untuk memenuhi keperluan anak anda dengan baik.



### Salah Tanggapan Biasa

- Anak saya mungkin akan mengatasi masalah perkembangan atau tingkah lakunya. Saya sedang mempertimbangkan untuk menunggu dan memerhatikan perkembangannya sebelum saya memutuskan sama ada untuk menerima penilaian atau intervensi yang disyorkan.**
- Walaupun sebilangan kanak-kanak yang mengalami isu pembangunan yang ringan akhirnya boleh memperoleh pencapaian perkembangan mereka tanpa intervensi, namun kebanyakannya masih memerlukan bantuan. Dalam kebanyakan keadaan, EI boleh membantu. Pengesahan awal DN anak dapat membantu anda memberikan sokongan yang sewajarnya dengan secepat mungkin. Dengan memulakan intervensi awal, ia mungkin akan meningkatkan trajektori perkembangan anak anda. Bantu anak anda bermula lebih awal dan membesar dengan lebih baik!



### Semakan Emosi

Anda mungkin mengalami reaksi yang berbeza apabila menyedari atau diberitahu bahawa anak anda mungkin mempunyai isu perkembangan. Anda mungkin berasa **cemas** dan **bimbang** tentang masa hadapan anak anda, bahkan **berasa kehilangan**. Anda mungkin berasa **keliru** atau **tertekan** dengan maklumat yang diberikan oleh pakar perubatan atau ahli profesional peringkat awal kanak-kanak. Sebaliknya, anda mungkin berasa **lega** kerana seseorang telah mengambil perhatian yang serius terhadap kebimbangan anda. **Orang yang anda sayangi juga sedang mengawal perasaan mereka dan mungkin mempunyai reaksi yang berbeza terhadap berita tersebut.**

Perasaan ini boleh bertahan untuk seketika dan anda mungkin mempunyai gabungan perasaan yang berbeza pada waktu-waktu tertentu. **Sudah menjadi lumrah untuk anda dan orang yang anda sayangi melalui emosi sebegini dan ramai ibu bapa lain yang mempunyai reaksi yang sama seperti anda.** Berikan diri anda dan orang yang anda sayangi sedikit masa untuk memahami maklumat baharu yang diterima tentang anak anda. Bincangannya, cuba untuk memahami pandangan mereka, dan sokong satu sama lain dalam menerima isu pembangunan anak anda. Anda mungkin mendapati ia memberi anda keselesaan untuk berbincang dengan ibu bapa lain yang telah melalui proses yang sama, atau dengan para profesional yang boleh memahami situasi anda. Anda juga boleh menyertai kumpulan sokongan untuk mencari orang lain untuk berbincang.

# PERUALANAN IBU BAPA



## Kisah ibu bapa Tom dan bagaimana mereka mengatasi ketakutan mereka tentang perkembangannya

Kami berasa bangga dengan Tom, anak kami yang berumur 15 tahun dengan autisme. Ia tidak selalu seperti ini. Kami melalui kebuntuan dan juga kemurungan apabila Tom pertama kali didiagnosis. Dia adalah anak sulung kami dan melambangkan semua harapan dan impian kami. Saya masih ingat para profesional di KKH memberitahu kami bahawa Tom tidak akan berkembang seperti biasa; harapan kami untuk mempunyai anak yang normal musnah hari itu.

Kami mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan diri dengan diagnosis tersebut. Kami terkejut dan sangat sedih. Saya sangat bimbang tentang masa hadapan anak saya. Adakah dia akan mempunyai pekerjaan? Adakah dia akan berkahwin? Adakah dia akan bertahan dalam masyarakat kita? Saya mula menyimpan lebih banyak wang. Isteri saya menangis berkali-kali. Ibu bapa kami juga merenungkan sama ada kami tidak menjaga bayi dalam kandungan semasa kehamilan isteri saya. Secara logiknya, kami sedar bahawa isteri saya tidak dapat menghalang perkara ini.

Tidak lama selepas diagnosis, Tom menghadiri EIPIC. Dia menerima intervensi yang membantunya menggunakan alat yang berbeza untuk berkomunikasi dan pusat EI mengajar kami strategi untuk menangani masalah tingkah laku Tom. Dia juga menerima sedikit bantuan untuk kemahiran motornya. Kami mengambil berat semua perjumpaan dengan pendidik dan ahli terapi dan melaksanakan strategi seperti yang dinasihatkan. Ia memerlukan peraliran fikiran yang teramat untuk menerima hakikat anak kami yang kurang upaya.

Kami melihat anak kami sebagai insan yang luar biasa yang tidak ternilai harganya walaupun kurang upaya. Daripada memberi nilai kepada berapa banyak sijil pendidikan atau berapa banyak markah A yang dia dapat, kami melihatnya sebagai seseorang yang berharga.

Kami menghargai aspek keperibadiannya yang cantik dan kurang cantik setiap hari. Kami temui harapan dan kegembiraan

dalam mengetahui tentang kurang upayanya dan dalam setiap pencapaian kecil, berdasarkan kemajuannya. Walaupun dia langsung tidak bercakap, kami telah terima hakikat. Kami menyaksikan anak kecil kesayangan kami berubah menjadi seorang remaja muda selepas beberapa tahun dan dia terus membesar.

Menjadi ibu bapa Tom telah membuat kami sangat menghargai setiap perkembangannya. Apabila Tom menjerit dan memekik, kami tahu bahawa dia mengalami sedikit ketidaksesuaian di alam deria. Kami sedar bahawa kami tidak dapat menyelesaikan semua masalahnya. Tetapi kami melakukan apa yang termampu, seperti membantu dia mengawalnya. Kami mula bersikap bersyukur bagi setiap perkara kecil dalam kehidupan. Pada mulanya, kami berasa kecewa dan kadang-kadang marah. Kini, kami telah menjadi lebih bertolak ansur, bersikap belas kasihan, dan penyayang. Kami tahu bahawa ini bukan reaksi setiap ibu bapa. Ia juga bukan tindak balas semula jadi kami, tetapi ia adalah tindakan yang kami usahakan secara aktif.

Peranan kami sebagai ibu bapa bukanlah mudah. Kami tahu kami akan menghadapi lebih banyak cabaran apabila Tom membesar dan bersikap matang. Kami telah menyesuaikan jangkaan kami bagi pencapaianannya untuk berdikari dan berjaya. Saya dan isteri yakin dengan sikap kami dan percaya bahawa Tom akan dijaga dengan baik. Kami telah memperuntukkan sejumlah wang untuk Tom dan mungkin adik-beradiknya juga akan ada bersamanya. Kami tahu bahawa Kerajaan juga boleh memberikan sokongan kewangan dan perumahan jika ia diperlukan. Tom akan terus menjalani kehidupan sebagai manusia yang berharga, cuma dengan keperluan yang berbeza.

02

## MENDAPATKAN PERKHIDMATAN INTERVENSI AWAL



**B**ab pertama memberi tumpuan kepada kitaran perkembangan biasa anak, potensi kelewatan perkembangan untuk diperhatikan, dan beberapa saluran dimana anak dengan keperluan perkembangan (Developmental Needs (DN)) mungkin dikenal pasti.

Selaras perbincangan anda dengan seorang ahli perubatan atau intervensi awal (Early Intervention (EI)), anda mungkin bertanya-tanya apa yang perlu dilakukan seterusnya. **Bab ini bertujuan untuk membantu anda dan keluarga anda dalam mengemudi langkah perjalanan seterusnya – memilih perkhidmatan EI yang sesuai** dengan menangani perkara berikut:

- *Apa itu EI dan bagaimana ia memberi manfaat kepada anak anda;*
- *Saranan apabila memilih perkhidmatan, pusat atau program EI;*
- *Pilihan EI yang dibiayai kerajaan; dan*
- *Apa yang boleh anda lakukan untuk menyokong anak anda di rumah.*

**Sambil anda berusaha untuk memutuskan apa yang terbaik untuk anak anda, adalah penting untuk berbincang dengan para profesional supaya mereka boleh memberikan anda maklumat untuk membantu anda membuat keputusan.** Jika semua tidak berjalan lancar seperti apa yang anda mahukan, tidak mengapa untuk menukar haluan atau mengambil pilihan baharu. Dapatkan nasihat lanjut mengenai cara yang lebih baik untuk menyokong anak anda dan membuat keputusan baharu. **Ia adalah proses penemuan yang berterusan sambil anda mengetahui dengan lebih lanjut tentang pemilihan yang paling sesuai untuk anak dan keluarga anda.**

# APA ITU INTERVENSI AWAL (EI)

Intervensi Awal (Early Intervention (EI)) ialah proses penyediaan sokongan dan perkhidmatan khusus untuk bayi dan kanak-kanak kecil dengan keperluan pembangunan (Developmental Needs (DN)) dan keluarga mereka untuk menggalakkan perkembangan anak tersebut. **ia harus dilakukan seawal mungkin selepas keperluan anak telah dikenal pasti dan dinilai oleh profesional perubatan atau EI<sup>5</sup>.**

**Sokongan EI disediakan berdasarkan tahap keperluan kanak-kanak melalui pendekatan pelbagai gabungan disiplin dan bertujuan untuk membantu kanak-kanak mengembangkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk aktiviti harian mereka.**

Berdasarkan penilaian holistik tentang keperluan anak anda, pasukan EI akan mereka bentuk Rancangan Pendidikan Individu (Individualised Educational Plan) untuk anak anda. IEP ini mungkin melibatkan sokongan daripada pasukan EI di pusat khusus atau di prasekolah anak anda. Pelbagai profesional termasuk ahli terapi pertuturan dan bahasa, ahli terapi aktiviti harian, ahli fisioterapi dan/atau ahli psikologi boleh terlibat dalam perkembangan anak anda.

Lima domain utama perkembangan kanak-kanak ialah Sosial dan Emosi, Fizikal dan Motor, Bahasa dan Komunikasi, Penglihatan dan Pendengaran, dan Kognisi.

## MANFAAT EI

Tahun-tahun awal perkembangan kanak-kanak merupakan tahun yang paling kritis. Kajian telah menunjukkan bahawa pertumbuhan otak berada pada kadar tertinggi pada tahun-tahun awal. EI memanfaatkan kadar perkembangan otak yang tinggi pada tahun-tahun kritis ini untuk membantu perkembangan anak anda. Sebagai contoh, neuroplastisitas memanfaatkan potensi pertumbuhan ini untuk membantu kanak-kanak dengan DN lanjut dengan cepat untuk meningkatkan trajektori pembangunannya.



Anda memainkan peranan penting dalam perkembangan anak anda. **Gabungan sokongan sekolah dan rumah** adalah ideal dan paling bermanfaat dalam membantu anak anda berkembang dan bertambah baik. Ini mungkin melibatkan penggunaan strategi yang mudah untuk membantu anak anda mengambil bahagian dalam rutin kehidupan hariannya dengan lebih berkesan atau bekerjasama dengan guru sekolah anak anda untuk mengukuhkan apa yang telah dipelajarinya di sekolah. Memandangkan anak anda mempunyai lebih banyak peluang untuk mengamalkan apa yang diajar di pusat EI/prasekolah, dia boleh menguasai kemahiran dan menggunakan pembelajarannya berlatarbelakangkan konteks yang berbeza. Ini juga membina keyakinan dan harga diri anak anda.

<sup>5</sup> Profesional EI merujuk kepada Pendidik Sokongan Pembelajaran dan guru EI.

# PERKARA YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN SEMASA MENILAI JENIS PERKHIDMATAN DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN EI

## PERTIMBANGAN UTAMA

Setiap anak mempunyai gabungan kekuatan dan kelembahan yang unik. Perkhidmatan EI yang terbaik ialah perkhidmatan yang menangani **keperluan khusus anak anda** dan boleh disesuaikan mengikut jenis sokongan dan intensiti sokongan yang diperlukan oleh anak anda.

Memilih perkhidmatan EI<sup>6</sup> yang sesuai juga merupakan keputusan keluarga. Anda dan keluarga anda mungkin ingin mempertimbangkan faktor lain seperti keperluan dan keadaan keluarga anda (cth. keperluan untuk perkhidmatan penjagaan anak, jadual ahli keluarga anda), jarak rumah anda ke pusat dan kos yang terlibat. Mungkin berguna untuk mempertimbangkan perkara berikut semasa memilih perkhidmatan EI:

### JENIS DAN INTENSITI SOKONGAN EI

Jika anak anda telah berjumpa doktor atau ahli profesional EI, anda akan dimaklumkan tentang tahap sokongan EI yang diperlukan untuk perkhidmatan EI yang dibayai oleh kerajaan.

- ◆ **Tahap sokongan EI yang rendah** – Sokongan jangka pendek (cth. enam bulan atau kurang) yang kurang kerap diperlukan (cth. seminggu sekali) untuk tempoh yang singkat (cth. satu jam). Ini akan diberikan di prasekolah anak anda (cth. program Sokongan Pembangunan – Sokongan Pembelajaran (Development Support – Learning Support (DS-LS)) dan program Sokongan Pembangunan-Plus (Development Support-Plus (DS-Plus)) oleh pasukan profesional EI dan/atau Pakar Persekutuan Kesihatan (allied health professional).
- ◆ **Tahap sokongan EI yang sederhana** – Sokongan jangka lebih panjang (cth. satu tahun atau lebih lama) yang lebih kerap diperlukan (cth. beberapa kali seminggu) untuk tempoh yang lebih lama (cth. dua atau lebih jam) oleh pasukan profesional EI dan AHP. Sesi diadakan di pusat EI khusus (cth. Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak (Early Intervention Programme for Infants and Children (EPIC)).
- ◆ **Tahap sokongan EI yang tinggi** – Dalam kes ini, sokongan diberikan secara peribadi satu persatu satu dalam tempoh masa yang panjang, berbanding sokongan EI yang rendah/sederhana.

Terdapat juga penyedia EI swasta jika anda ingin mempertimbangkan perkhidmatan mereka. Setiap penyedia akan mempunyai cara mereka sendiri untuk menetapkan kategori bagi tahap sokongan yang diperlukan.

<sup>6</sup>Harap maklum bahawa jenis perkhidmatan EI yang dibayai oleh kerajaan akan disyorkan selepas proses saringan/penilaian yang turut melibatkan input ibu bapa.



Beberapa soalan yang anda boleh ajukan kepada bakal penyedia perkhidmatan, untuk menilai kesesuaian mereka atau ia sesuai untuk anak anda, disenaraikan di bawah:

## Kelayakan dan pengalaman pasukan



- Adakah ahli terapi berdaftar di bawah Majlis Pakar Persekutuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professional Council)?<sup>7</sup>
- Adakah ahli psikologi berdaftar dengan Daftaran Ahli Psikologi Singapura di bawah Persatuan Psikologi Singapura?
- Adakah pendidik EI mempunyai kelayakan dan latihan yang relevan?

## Kualiti program



- Adakah pendekatan pusat terhadap EI diiktiraf berdasarkan amalan yang berdasarkan bukti?



## Pendekatan pemantauan

- Bagaimanakah pusat memantau kemajuan anak anda?
- Adakah penyedia mempunyai matlamat yang kukuh untuk anak anda?



## Penglibatan keluarga

- Bagaimanakah penyedia melibatkan keluarga dalam menyokong anak anda?
- Adakah latihan penjaga disediakan?
- Adakah anda atau penjaga perlu menemani anak anda ke setiap sesi?



## Keselamatan anak

- Adakah amalan keselamatan anak seperti memerhatikan interaksi guru dengan anak dan piawaian persekitaran dilaksanakan di pusat?



## Pengangkutan/lokasi

- Adakah pusat/prasekolah EI berada di lokasi yang sesuai?
- Adakah anda atau keluarga anda boleh membawa anak anda pergi dan balik dari penyedia EI?



Ketahui lebih lanjut tentang penyedia dan program EI yang dibiayai kerajaan dalam seksyen seterusnya atau melalui laman web Panduan Keupayaan (Enabling Guide).

<sup>7</sup>AHPC mentadbir dan mengawal kelakuan dan etika ahli AHP yang berdaftar mengikut Akta Profesional Persekutuan Kesihatan, 2011.

Jika anak anda menerima sokongan EI di pusat EI (cth. EIPIC), anda juga boleh mempertimbangkan perkhidmatan prasekolah untuk memenuhi keperluan penjagaan anak anda serta membolehkan anak anda mendapat manfaat daripada kurikulum prasekolah dan berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya. Pertimbangkan faktor keselamatan seperti sama ada prasekolah menyediakan sokongan tambahan, dan jika anak anda dapat melibatkan diri dalam bilik darjah dan aktiviti bermain dengan penuh makna sambil memutuskan perkhidmatan prasekolah yang sesuai. Anda harus menghubungi EI atau ahli perubatan untuk mendapatkan nasihat sama ada anak anda akan mendapat manfaat daripada ini.

Prasekolah berikut menyediakan sokongan untuk kanak-kanak yang mempunyai DN:

- ◆ **Prasekolah yang menawarkan tahap sokongan EI yang rendah seperti program DS-LS:** Sila hubungi penyedia perkhidmatan DS-LS untuk meninjau peluang pendaftaran
- ◆ **Program Bantuan Inklusif (Inclusive Support) Programme (InSP) Pilot prasekolah (Rintis):** Sila layari laman web Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak (ECDA) untuk maklumat lanjut.
- ◆ **Lain-lain:** Sila hubungi SG Enable untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan sokongan prasekolah yang lain untuk anak anda.

### Tempoh masa menunggu pendaftaran



Pilihan pusat penyedia, lokasi dan waktu sesi anda akan mempengaruhi tempoh masa untuk pendaftaran program. Untuk program Intervensi Awal bagi Bayi & Kanak-kanak yang dikendali oleh kerajaan (EIPIC) dan Program Intervensi Awal bagi Bayi & Kanak-kanak yang dikendali oleh kerajaan - P Early Intervention Programme for Infants and Children - P (EIPIC-P) tempo masa menunggu adalah sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh rujukan. Sekiranya anda ingin mengetahui lebih lanjut tentang cara-cara untuk monyokong anak anda, sila klik pautan ini.



### Kos

- ◆ Berapakah yuran bulanan program?
- ◆ Adakah terdapat kos tambahan yang terlibat seperti kos peralatan atau kos perkhidmatan intervensi sokongan lain?
- ◆ Adakah terdapat subsidi kerajaan untuk perkhidmatan EI atau kos-kos berkaitan (cth. pengangkutan)?
- ◆ Bolehkah anda menggunakan Akaun Simpanan Bersama Pembangunan Kanak-kanak? Tanya kepada penyedia perkhidmatan EI jika ia adalah Institusi Yang Diluluskan Bonus Bayi (Baby Bonus Approved Institutions).



### Pengaturan pengangkutan

- ◆ Adakah terdapat perkhidmatan pengangkutan bas 'sekolah' untuk anak anda pergi dan pulang dari pusat EI? Maklumat lanjut tentang pengaturan perkhidmatan pengangkutan boleh didapat di sini.



## Apa Yang Boleh Anda Lakukan

Ingat bahawa anda tidak bersendirian dalam perjalanan ini. Berikut adalah langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk membantu anda membuat keputusan:

- ↳ Berunding dengan pakar pediatrik atau doktor anak anda untuk memahami keperluan anak anda dan mengetahui lebih lanjut berapa **kerap** dan **tahap** sokongan yang diperlukan oleh anak anda.
- ↳ Berbincang dengan ahli keluarga anda untuk mempertimbangkan dengan teliti pengaturan yang perlu dibuat oleh keluarga anda bagi memudahkan akses anak anda kepada perkhidmatan EI dan bagaimana ia boleh memberi kesan kepada pilihan penjagaan dan penjagaan anak anda.
- ↳ Sertai kumpulan sokongan penjaga untuk memahami pelbagai pilihan yang tersedia. Anda juga boleh merujuk kepada sumber dalam talian seperti Panduan Membuat Keputusan Untuk Kanak-kanak Kurang Upaya, Autisme Dan Keperluan Tambahan.
- ↳ Berbincang dengan SG Enable, pekerja sosial atau pengurus kes perkhidmatan EI untuk mengetahui lebih lanjut tentang program yang boleh disesuaikan.
  - Ketahui lebih lanjut dan mohon skim dan perkhidmatan yang relevan dan berguna untuk anak anda.
  - Berbincang dengan penyedia EI atau hospital yang merawat anak anda untuk membincangkan penggunaan Teknologi Bantuan (Assitive Technology (AT)) untuk anak anda, dan dapatkan penilaian AT yang dilakukan di mana berkaitan, untuk mengenal pasti jenis AT yang sesuai yang dia boleh mendapat manfaat daripadanya. Andajuga boleh membuat temu janji dengan ahli terapi daripada SPD yang beroperasi di Tech Able di Enabling Village.

Terdapat satu pasukan profesional daripada latar belakang yang berbeza yang akan bekerjasama untuk menyokong kemajuan anak anda. Tidak semua jenis profesional diperlukan; ini bergantung pada keperluan anak anda.

### 1. Ahli Profesional EI dan LSEds

#### PENDIDIK EI

menyediakan intervensi untuk kanak-kanak yang memerlukan sokongan EI tahap rendah hingga tinggi. Pendidik-pendidik EI mengintegrasikan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran dan mengenal pasti pendekatan yang baharu dan segar untuk mengajar anak anda. Mereka juga akan bekerjasama dengan anda dan keluarga anda untuk menyokong anak anda sepanjang tempoh program dan perkhidmatan.

#### PENDIDIK SOKONGAN PEMBELAJARAN (LSEDS)

menyokong kanak-kanak yang memerlukan tahap sokongan Elyang rendah di prasekolah. Mereka memainkan peranan penting dalam pengesanan dan penyediaan sokongan yang sesuai kepada anak anda dalam persekitaran prasekolah untuk memastikan mereka mencapai potensi mereka sepenuhnya. LSEds juga akan bekerjasama dengan anda dan guru anak anda untuk menyokong penyelenggaran kemahiran dan generalisasi dalam persekitaran yang berbeza. LSEds ialah mereka yang menerima latihan dalam Awal Kanak-kanak (early childhood) dan melengkapi latihan yang disasarkan untuk menyokong kanak-kanak dalam program DS-LS.

## 2. AHP Terdiri daripada Ahli Audiologi, Ahli Terapi Aktiviti Harian, Ahli Fisioterapi, Ahli Psikologi, serta Ahli Terapi Pertuturan dan Bahasa

### AHLI AUDIOLOGI

menilai pendengaran atau keseimbangan anak anda. Ahli audiologi membantu kanak-kanak menguruskan kehilangan pendengaran dan berkomunikasi dengan orang lain secara berkesan dengan mengajar mereka membaca bibir, mengesyorkan alat pendengaran, atau mencadangkan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pendengaran dan komunikasi.

### AHLI PSIKOLOGI

menilai dan mengesahkan masalah pembelajaran dan perkembangan yang mungkin dialami anak anda dan membantu anda dengan pembelajaran, tingkah laku dan kesejahteraan sosial-emosi anak anda. Mereka akan membantu anak anda belajar, mengurus tingkah lakunya, dan mengawal emosinya.

### AHLI TERAPI AKTIVITI HARIAN

menilai dan meningkatkan keupayaan anak anda untuk melibatkan diri dan melakukan aktiviti harian. Mereka menyediakan sokongan untuk tugas kognitif, penghayati deria, perhatian, pengawalan dan penjagaan diri, serta kemahiran tingkah laku, sosial, motor halus dan bermain. Mereka juga boleh mengajar anda cara menyesuaikan persekitaran rumah anda untuk memenuhi keperluan anak anda dan menggalaknya untuk berdikari.

### AHLI FISIOTERAPI

menilai dan membantu anak anda meningkatkan pergerakan dan fungsi fizikal melalui rawatan seperti pemulihan fizikal, senaman terapeutik, dan AT seperti alat bantuan mobiliti. Ini termasuk menangani masalah mobiliti, keseimbangan, kekuatan dan koordinasi.

### AHLI TERAPI PERTUTURAN DAN BAHASA

menilai, mengesahkan dan menyediakan sokongan dan pengurusan untuk masalah bahasa dan komunikasi. Ahli terapi ini juga membantu kanak-kanak yang mengalami kesukaran menyusu atau menelan.

## 3. Pekerja Sosial

### PEKERJA SOSIAL

menyokong anda dan keluarga anda untuk lebih memahami kekuatan dan keperluan anak anda. Mereka juga dapat membantu membina kerjasama yang kukuh antara keluarga anda, sekolah anak anda dan masyarakat.



# PERKHIDMATAN EI YANG DIBIAYAI OLEH KERAJAAN

Kerajaan bekerjasama dengan pelbagai Agensi Perkhidmatan Sosial (Social Service Agency (SSA)) dan prasekolah untuk menyediakan kesinambungan program mampu bayar untuk memenuhi tahap sokongan EI yang berbeza yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak prasekolah. Program Sokongan Pembangunan dan Sokongan Bersandar (Development Support - Learning Support (DS-LS)), program Sokongan Pembangunan Plus (Development Support-Plus (DS-Plus) ),

dan Program Sokongan Inklusif (Inclusive Support Programme (InSP)) disediakan di banyak prasekolah di mana kanak-kanak boleh menerima sokongan dalam persekitaran semula jadi mereka. Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak (EIPIC) dan Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak-P (EIPIC-P) disediakan di pusat khusus EI.


## PROGRAM EI

### PUSAT INTERVENSI AWAL

Kanak-kanak yang memerlukan sokongan El tahap sederhana hingga tinggi boleh menghadiri Program EIPIC dan EIPIC-P yang disediakan di Pusat EI

### PRASEKOLAH

Kanak-kanak yang memerlukan sokongan El tahap rendah hingga sederhana boleh menerima intervensi melalui Program EI yang terdapat di prasekolah mereka



## Program Sokongan Pembangunan-Pembelajaran (DS-LS)

Program DS-LS sesuai untuk kanak-kanak dalam K1 dan K2 yang memerlukan tahap sokongan EI yang rendah dalam bidang seperti pertuturan dan bahasa, kemahiran sosial, kemahiran motor, tingkah laku dan celik huruf. Program ini direka untuk membantu mereka mengembangkan kemahiran yang sesuai dan meningkatkan kemajuan keseluruhan mereka dan ia disediakan dalam persekitaran prasekolah kanak-kanak.

Prasekolah yang menawarkan program DS-LS akan menilai kelayakan anak anda untuk program tersebut. Jika prasekolah anak anda tidak menawarkan program DS-LS, anda boleh meminta mereka menghubungi Pasukan Terapi masing-masing.

## Program Intervensi Awal untuk Bayi dan Kanak-kanak (EIPIC)

Kanak-kanak yang memerlukan sokongan EI tahap sederhana hingga tinggi dirujuk kepada EIPIC yang disediakan di pusat EI. EIPIC akan memberi kanak-kanak sokongan yang lebih intensif daripada program DS-LS dan DS-Plus; intervensi untuk meningkatkan fungsi kanak-kanak biasanya tidak dijalankan di prasekolah (kecuali InSP – lihat di bawah). Anak anda mesti dinilai dan disyorkan oleh ahli perubatan bagi kesesuaian untuk mendaftar dalam EIPIC.

**EIPIC Bawah-2** menyokong kanak-kanak di bawah umur dua tahun. Ia menekankan latihan bagi penjaga untuk menjalankan strategi intervensi dalam rutin harian anak anda di rumah. Program EIPIC Bawah-2 memerlukan pengiring. Apabila anak anda mencapai umur dua tahun, dia akan beralih ke program EIPIC@Centre.

**EIPIC@Centre** menyokong kanak-kanak berumur dua tahun hingga enam tahun. Kedua-dua perkhidmatan terapi dan intervensi pendidikan disediakan di pusat EI oleh satu pasukan profesional, biasanya dalam kumpulan kecil. Kemajuan anak anda akan dinilai secara kerap dan matlamat serta strategi intervensi akan disesuaikan mengikut keperluan anak anda.

## Program Sokongan Pembangunan-Plus (DS-Plus)

Program DS-Plus membolehkan kanak-kanak yang telah mencapai kemajuan yang mencukupi semasa EIPIC menerima intervensi yang berterusan dalam persekitaran prasekolah mereka. Kanak-kanak yang dianggap sesuai mesti mendaftar di pusat EI dan prasekolah yang menjalankan program DS-Plus. Anda tidak perlu memohon DS-Plus kerana ahli profesional EI akan menghubungi anda langsung jika anak anda didapati layak.

## Program Bantuan Inklusif (InSP)

InSP menyokong kanak-kanak berumur tiga tahun hingga enam tahun yang memerlukan sokongan EI tahap sederhana. Program ini akan menyediakan penyediaan perkhidmatan EI dan EC di prasekolah. Prasekolah yang terpilih akan mempunyai pendidik EI sepuh masa dan pelawat AHP yang bekerjasama dengan pendidik Awal Kanak-kanak (EC) untuk membolehkan kanak-kanak mengambil bahagian secara bermakna dalam prasekolah.

Anda boleh merujuk kepada sumber berikut untuk bacaan dan maklumat lanjut:

- 👉 Panduan Keupayaan menyediakan lebih banyak maklumat mengenai perkhidmatan EI yang dibayai oleh kerajaan.
- 👉 Portal Carian Prasekolah menyediakan senarai prasekolah. Untuk maklumat lanjut tentang prasekolah dan cara memilih penjagaan kanak-kanak untuk anak anda, anda boleh merujuk kepada laman web ECDA.
- 👉 Maklumat grafik proses rujukan melakarkan cara anak anda boleh dirujuk ke program EI tertentu.

## Salah Tanggapan Biasa

-  **Jika saya menghantar anak saya ke program EI, dia pasti akan dilabel mempunyai keperluan pendidikan khas atau kurang upaya. Anak saya tidak akan dapat menjalani kehidupan yang normal dan bermakna pada masa hadapan.**

 Mencari intervensi atau mendapatkan diagnosis tidak bermakna anak anda akan dilabel sebagai mempunyai keperluan khas. Intervensi membantu memastikan anak anda menerima sokongan yang diperlukannya. Sebilangan kanak-kanak yang menerima sokongan daripada pusat EI pergi ke sekolah rendah aliran perdana manakala yang lain lebih baik mendapat sokongan di Sekolah Pendidikan Khas (Special Education (SPED) Schools).

Kanak-kanak yang menghadiri sekolah SPED juga boleh menjalani nilai kehidupan yang memuaskan.

-  **Intervensi harus diberikan dalam format peribadi satu persatu agar berkesan.**

 Matlamat intervensi adalah untuk mencipta perubahan dan intervensi boleh dijalankan dalam persekitaran berkumpulan (cth. bilik darjah) atau dalam persekitaran satu persatu. Sebagai contoh, di pusat EI tempatan, satu pasukan profesional EI dan AHP (biasanya guru EI, ahli terapi pertuturan, jurupulih aktiviti harian dan ahli psikologi) bekerjasama untuk memberisaran bagi menyokong keperluan anak anda dalam rutin bilik darjah yang kemudiannya dijalankan oleh guru kelas. Cara menyertakan intervensi dalam rutin bilik darjah membantu menyediakan kestabilan yang diperlukan untuk anak anda mengusahakan tingkah laku yang dikenal pasti dan meningkatkan peluang kemajuan mereka.

## MENYEDIAKAN ANAK ANDA UNTUK PUSAT EI

Jika anak anda telah dirujuk ke pusat EI, sediakan anak anda untuk hari pertama di pusat tersebut dan mudahkan anak anda memasuki peralihan.

- 1** Bawa anak anda ke kawasan kejiranan di mana pusat itu berada untuk membiasakannya dengan kawasan sekitar.
- 2** Bawa anak anda bersama untuk meneroka laluan yang berbeza ke pusat dan biasakan dia dengan laluan tersebut.
- 3** Gunakan cerita untuk menerangkan kepada anak anda apa yang dia boleh jangkakan di dalam kelas – orang-orang yang akan dia temui, aktiviti yang akan dia lakukan, dsb.
- 4** Pastikan anak anda mempunyai semua barang yang diperlukan untuk kelas – makanan ringan, botol air, pakaian tambahan, dsb.
- 5** Tetapkan rutin untuk menyediakan anak anda pada waktu pagi apabila dia mempunyai kelas EIPIC. Sebagai contoh, anak anda mungkin bangun, makan sarapan pagi, membersih gigi, berpakaian dan meninggalkan rumah. Anda juga boleh membuat jadual visual untuk menerangkan perkara ini.
- 6** Berkommunikasi dengan guru EIPIC anak anda dan kongsi sebarang maklumat yang relevan untuk membantu guru mengetahui cara terbaik untuk bekerjasama dengan anak anda.

Anda boleh merujuk kepada perkara berikut untuk maklumat dan bacaan lanjut:

-  [Sumber Keibubapaan Keluarga Sepanjang Hayat \(Families For Life Parenting Resources\)](#) mempunyai sumber untuk menyediakan anak anda ke prasekolah.
-  [Panduan Keupayaan](#) menyediakan maklumat tentang subsidi untuk program EI yang dibiayai oleh kerajaan.



## Apa Yang Boleh Anda Lakukan

- ◆ Daftar untuk Bengkel Bermula Dengan Betul yang dikendalikan oleh SG Enable untuk mengetahui lebih lanjut tentang EI dan sumber masyarakat yang tersedia jika anak anda telah dirujuk ke EIPIC. Klik [di sini](#) untuk maklumat lanjut tentang program lain.
- ◆ Sertai kumpulan sokongan penjaga untuk berhubung dengan ibu bapa dan keluarga lain. Jika anak anda mendaftar di pusat EI, tanya pekerja kes pusat berkenaan sumber dan kumpulan sokongan ibu bapa.



## PERALIHAN KELUAR DARIPADA PERKHIDMATAN EI

Jika mendaftar dalam program yang dibiayai kerajaan melalui EIPIC atau di dalam prasekolah, anak anda akan keluar daripada program EI apabila:

1. Anak anda mencapai umur bersekolah rendah; atau
2. Anak anda bertambah baik dan beralih daripada program EI semasanya kepada program lain yang memenuhi keperluannya dengan lebih baik. Sokongan yang disediakan paling sesuai dengan keperluan perkembangannya.

Pada akhir program EI, ahli profesional yang bekerjasama dengan anak anda akan menghubungi anda untuk membincangkan kemajuan yang dicapai oleh anak anda semasa intervensi.

- ◆ Satu persidangan mungkin diadakan di kalangan anda, ahli profesional anak anda dan ahli profesional utama lain seperti guru atau ahli terapinya untuk menyemak matlamat intervensi anak anda bersama kemajuan anak anda.
- ◆ Anda mungkin ingin membincangkan cara anda boleh terus menyokong anak anda di rumah, perkhidmatan susulan yang mungkin diperlukan, serta memantau kemajuan anak anda dengan profesional.
- ◆ Anda mungkin dinasihatkan untuk berkongsi maklumat penting dengan sekolah anak anda yang seterusnya untuk memudahkan proses peralihan.

Sila lihat seksyen ["Memahami persekitaran pendidikan yang berbeza"](#) untuk pilihan yang tersedia bagi anak anda pada umur bersekolah.



## Salah Tanggapan Biasa

- X Apabila anak saya telah melengkapkan intervensi, dia tidak memerlukan pemantauan kemahiran dan perkembangannya dengan kerap.
- ✓ Anak anda mungkin terus mempunyai keperluan khusus selepas menerima intervensi. Adalah baik untuk terus memantau kemajuan anak anda, memerhatikan keperluannya dan membantu anak anda mengelakkan kemajuan yang telah dicapainya melalui latihan yang kerap bagi kemahiran baru.

# PERKARA YANG BOLEH ANDA LAKUKAN UNTUK MENYOKONG ANAK ANDA

Peranan anda sebagai ibu bapa dalam menyokong intervensi anak anda:

## Penyorak dan Rakan

- Galakkan anak anda dan mengiktirafkan usaha dan kemajuannya
- Raikan setiap usaha dan peningkatan
- Luangkan masa untuk mendengar dan memahami luahan anak anda, yang mungkin mengalami kesukaran sepanjang perjalanan



## Penyokong

- Bawa anak anda ke pusat perkhidmatan dan ruang masyarakat
- Kongsi keperluan khas anak anda dengan gurunya dan masyarakat
- Minta perkhidmatan dan sokongan yang diperlukan oleh anak dan keluarga anda daripada Agensi yang relevan



## Pengiring

- Rehat dan bertenaga semula sepanjang perjalanan bersama anak anda
- Sertai **kumpulan sokongan penjaga** untuk mencari lebih ramai teman



## Penimba Ilmu

- Dapatkan maklumat untuk memahami keperluan unik anak anda dan perkhidmatan sokongan yang tersedia
- Ketahui perkhidmatan dan sekolah yang paling sesuai dengan pembelaan anda
- Pelajari dan bangunkan strategi untuk menyokong anak anda di rumah



## Kolaborator

- Berikan persetujuan untuk berkongsi maklumat tentang kekuatan dan keperluan pembelajaran anak anda dengan pusat EI, prasekolah dan pakar pediatriknya
- Berikan maklum balas tentang sama ada strategi yang disyorkan oleh para profesional berkesan untuk anak anda
- Hubungkan pasukan prasekolah dan EIPIC untuk membolehkan mereka bekerjasama untuk perkembangan anak anda
- Maklumkan kepada pendidik dan pakar pediatrik tentang perkembangan baharu anak anda di rumah



## Guru

- Perhatikan dan tambah sokongan berdasarkan kekuatan, minat, dan gaya pembelajaran anak anda
- Rebut peluang pembelajaran untuk anak anda dalam rutin keluarga. Maklumat lanjut boleh didapati di Kit Rangka Kerja Ibu Bapa ECHO
- Bерmain dengan anak anda kerana kanak-kanak belajar dengan berkesan semasa bermain dan berseronok
- Bantu anak anda bergaul dengan orang lain, pelajari kemahiran baharu dan uruskan keperluannya sendiri
- Tegaskan dan galakkan anak anda untuk usahanya
- Menjadi contoh teladan untuk tingkah laku yang positif



## Cadangan tentang cara menyediakan persekitaran yang menyokong pembelajaran anak anda:

### 1. Membina ikatan yang kukuh dengan anak anda

a) Hubungan ibu bapa-anak yang kukuh adalah penting. Apabila anak berasa disokong dan dijaga dengan baik oleh anda, dia akan:

- i) mencuba perkara baharu dan belajar daripada pengalamannya.
- ii) pergi kepada anda untuk mendapatkan bimbingan apabila dia menghadapi cabaran.

b) Oleh itu, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang dipercayai dan penuh kasih sayang untuk membina ikatan yang kukuh dengan anak anda. Beberapa saranan termasuk:

i) Luangkan masa berkualiti bersama anak anda.

↳ Sertai aktiviti yang disukai anak anda seperti bermain permainan papan atau pergi ke taman.

↳ Melibatkan anak anda dengan bermain. Bermain bersama boleh membantu anak anda berasa disayangi dan selamat, yang boleh mengeratkan ikatan antara anda dan anak anda.

↳ Jika anda mempunyai lebih daripada seorang anak, adalah penting untuk meluangkan masa dan melibatkan diri dalam aktiviti dengan setiap anak secara individu.

↳ Masa yang diluangkan bersama anak anda kadang-kadang boleh menjadi peluang pembelajaran juga. Sebagai contoh, apabila anda membaca buku dengan anak anda, ia boleh membantu membangunkan kemahiran bahasanya.

↳ Sertakan anak anda dalam rutin harian, seperti melakukan kerja rumah bersama. Ini memberi peluang kepada anak anda untuk mempelajari kemahiran hidup dan memupuk rasa tanggungjawab.

ii) *Membina hubungan saling percaya untuk membantu memupuk ikatan yang kukuh.*

↳ Sentiasa ada untuk anak anda apabila dia memerlukan sokongan atau bantuan anda.

↳ Memahami dan menghormati anak anda seadanya.

c) Untuk sumber lanjut tentang cara membina ikatan yang kukuh dan melibatkan diri dengan anak anda, anda boleh merujuk kepada Panduan Keupayaan.

### 2. Mengenal pasti kekuatan anak anda

a) Fahami apa yang anak anda lakukan dengan baik dan seronok.

i) Sebagai contoh, jika anak boleh menyanyi dengan baik tetapi tidak menyukainya, maka menyanyi adalah kemahiran tetapi bukan minat.

ii) Jika anak anda memerlukan lebih banyak sokongan dalam membaca, menulis dan bercakap, cari cara untuk membantunya meningkatkan kemahiran ini. Walau bagaimanapun, anda harus memupuk minat dan kekuatan semula jadinya juga.

b) Beberapa saranan untuk mengenal pasti dan memupuk kekuatan anak anda adalah seperti berikut:

i) Perhatikan aktiviti yang mendorong anak anda. Jika anak anda boleh meluahkan fikirannya secara lisan, tanyakan kepadanya apa yang dia suka lakukan.

ii) Lihat di luar kekuatan akademik anak anda dan perhatikan kekuatan bukan akademiknya juga.

iii) Biarkan anak anda melibatkan diri dalam aktiviti yang dia boleh lakukan dengan cemerlang.

iv) Sokong minat dan kekuatan anak anda. Sebagai contoh, jika anak anda menggemari muzik, anda boleh menghantarnya untuk pelajaran muzik.

v) Gunakan kekuatan anak anda secara kreatif untuk mendekati perkara yang dia tidak pandai.

vi) Puji anak anda atas tindakan tertentu apabila dia melakukannya dengan baik. Raikan pencapaian anak anda untuk meningkatkan keyakinannya.

c) Fahami mengapa mengiktirafkan kekuatan anak anda adalah penting.

### 3. Menyokong anak anda melalui tingkah laku yang mencabar dan sukar

i) *Apabila kanak-kanak mempamerkan tingkah laku yang mencabar, mereka boleh menjadi sukar untuk dikendalikan. Walau bagaimanapun, penting untuk mengingatkan diri anda bahawa tingkah laku adalah satu bentuk komunikasi.*

ii) *Selainnya, kanak-kanak mempamerkan tingkah laku yang mencabar apabila:*

- ◆ Mereka bergelut untuk meluahkan perasaan mereka.
- ◆ Mereka menghadapi masalah untuk memahami orang lain.
- ◆ Mereka tidak mendapat apa yang mereka mahu.
- ◆ Mereka berasa kurang kawalan terhadap situasi (sebagai contoh, perubahan mendadak dalam rutin dan tidak dapat memilih apa yang mereka mahu tonton atau makan).
- ◆ Keperluan mereka tidak dipenuhi.
- ◆ Mereka mengalami kesukaran untuk menguruskan emosi yang kuat seperti kesedihan atau ketakutan.
- ◆ Mereka letih atau lapar.

◆ Mereka mempunyai sedikit ketidaksesuaian fizikal atau deria.

◆ Mereka ingin mengelakkan situasi yang tidak menyenangkan bagi mereka.

iii) *Belajar mengenal pasti pencetus tingkah laku mencabar anak anda dengan memerhatikannya. Ambil perhatian bagi butiran keadaan. Beberapa soalan yang perlu dipertimbangkan ialah "Siapa yang ada? Apa yang berlaku sebelum, semasa, dan selepas situasi tersebut?"*

iv) *Anda kemudiannya boleh menggunakan maklumat ini untuk mengetahui sebab dan kesan tingkah laku anak anda yang mencabar dan untuk melihat sebarang corak yang muncul berkaitan dengan tingkah laku anak anda.*

v) *Untuk sumber lanjut tentang cara mengurus tingkah laku anak anda yang mencabar anda boleh merujuk kepada Panduan Keupayaan.*



#### Mengemudi Emosi dalam Masa Gangguan Sosial

Pamela, seorang ahli psikologi pendidikan dan perkembangan, berkongsi cara ibu bapa boleh membantu kanak-kanak mengemudi perubahan tingkah laku semasa mereka membesar. Ini termasuk nasihat untuk membantu kanak-kanak dengan keperluan khas, memahami pemikiran dan emosinya yang kompleks.

Klik [di sini](#) untuk menonton video.

#### Mengurus Tingkah Laku yang Mencabar

Dr Tammy Lim, Cik Alison Cheng dan Cik Hepsi Priyadharsini dari NUH CDU terangkan sebab tingkah laku yang mencabar, bagaimana untuk mengenal pasti cara untuk menangani tingkah laku tersebut, dan cara mengajar penggantian tingkah laku.

Klik [di sini](#) untuk menonton video.

#### Menyokong Emosi dan Tingkah Laku Kanak-kanak

Dr Koh Hwan Cui, ahli psikologi di Jabatan Perkembangan Kanak-kanak di KKH, berkongsi tentang sumber yang membantu kanak-kanak meningkatkan kesediaan sekolah. Ini termasuk pengurusan kemarahan dan cara untuk menangani COVID-19.

Klik [di sini](#) untuk menonton video.

#### Kebimbangan dalam Kanak-kanak dengan Keperluan Khas

Dr Sung Min dari Institut Kesihatan Mental (IMH) berkongsi beberapa nasihat tentang cara anda sebagai ibu bapa boleh membantu anak anda memahami dan mengurus kebimbangannya. Perbincangan tersebut termasuk alat dan tindakan yang boleh anda ambil untuk membantu menangani perkara ini.

Klik [di sini](#) untuk menonton video.



## Salah Tanggapan Biasa

- X** Anak saya menunjukkan tingkah laku yang mencabar untuk mendapat perhatian atau menjadi sukar.

✓ Tingkah laku adalah satu bentuk komunikasi. Kanak-kanak menunjukkan tingkah laku yang mencabar atas pelbagai sebab. Terdapat kanak-kanak yang terlibat dalam tingkah laku sedemikian untuk mendapatkan apa yang mereka inginkan, manakala ada yang lain yang mungkin mengalami kesukaran untuk mengawal emosi mereka atau meluahkan fikiran dan perasaan mereka. Sebilangan mungkin mengalami ketidaksesuaian deria, tabiat pelik, ketakutan, atau keperluan yang tidak dipenuhi dan mereka mungkin terlibat dalam tingkah laku yang mencabar atau sukar untuk meluahkan perasaan mereka. **la mungkin mengambil sedikit masa untuk benar-benar memahami apa yang menyebabkan tingkah laku mencabar yang ditunjukkan oleh anak anda, tetapi penting untuk bersabar dan cuba memahami apa yang mereka sampaikan.**

### 4. Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk memupuk pembelajaran anak anda di rumah

- El tidak berlaku hanya di pusat El atau di dalam bilik darjah. Ia juga perlu diamalkan di rumah dan disalurkan ke dalam rutin harian. Sediakan ruang pembelajaran khas untuk memudahkan kanak-kanak menumpukan perhatian kepada anda dan tugas yang sedang dijalankan.
  - Pastikan ruang tersebut sesuai untuk anak anda dengan pencahayaan yang mencukupi dan perabot yang selesa.
  - Sediakan semua bahan pembelajaran yang diperlukan dalam ruang pembelajaran dan pastikan ia teratur.
  - Pastikan ruang pembelajaran kemas dan jauh dari gangguan visual atau bunyi bising yang keterlaluan
  - Buat jadual untuk memberi anak anda gambaran yang jelas tentang susunan aktiviti dan jangkaan bagi hari tertentu. Bergantung pada tahap anak anda, jadual boleh dibuat dalam bentuk gambar atau bertulis. Letakkan jadual di tempat yang ketara untuk mengingatkan anak anda tentang tugas yang perlu diselesaikan.
  - Kanak-kanak yang lebih tua boleh digalakkan untuk memperbaikidkan ruang pembelajaran mereka dengan menambahkan hiasan atau karya seni yang mungkin memberi mereka rasa selesa seperti ruang itu milik mereka dan membantu mereka kekal bermotivasi.
- g) Tetapkan rutin untuk aktiviti harian seperti waktu makan dan waktu tidur. Dengan rutin, kanak-kanak akan mempelajari perkara yang perlu mereka lakukan, dan bila mereka perlu melakukannya, dan ia menyediakan platform yang boleh diramal untuk anak anda berkembang dan mempelajari kemahiran yang mereka perlukan untuk hidup, belajar dan bermain dengan baik.
- h) Mendirikan tabiat yang sihat, keprahilan, dan tabiat tidur adalah penting bagi pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak.
- i) Untuk strategi lanjut bagi membantu anak anda mengikuti rutin dan menerapkan tabiat baik, anda boleh merujuk kepada **Panduan Keupayaan**.

#### Kekal Waras Melalui Rutin bersama Dr Lim Hong Huay



Dr Lim adalah penjaga kepada anak-anaknya, dimana dua daripada mereka mempunyai keperluan khas. Dia juga seorang pakar pediatrik dan ahli epidemiologi. Dia berkongsi tentang bagaimana rutin membantu mengekalkan kawalan ke atas jadualnya dan anak-anaknya, serta meningkatkan mood, kecerdasan minda, badan dan kesihatan. Nasihat beliau amat relevan untuk persekitaran Pembelajaran di Rumah/ Persekolahan di Rumah.

Klik [di sini](#) untuk menonton video.

03

## PERALIHAN DARIPADA EI KE PERUNTUKAN SEKOLAH MENGIKUT UMUR





**A**pabila anak anda melengkapkan program intervensi awal (Early Intervention (EI)) dan/atau pendidikan prasekolah, anda perlu mempertimbangkan pilihan sekolah dan sokongan dalam sekolah yang paling mampu membantu perkembangan seterusnya. Di Singapura, Akta Pendidikan Wajib (Compulsory Education (CE) Act) yang dilaksanakan pada tahun 2003 mewajibkan persekolahan peringkat rendah bagi semua kanak-kanak yang merupakan Warganegara Singapura yang menetap di Singapura dan umur persekolahan (berumur atas 6 tahun dan di bawah 15 tahun). Kanak-kanak yang dilahirkan selepas 1 Januari 2012 dengan Keperluan Pendidikan Khas (Special Educational Needs (SEN)) juga diwajibkan mengikuti pendidikan peringkat rendah di Sekolah Pendidikan Khas (Special Educational (SPED) schools yang dibiayai oleh Kerajaan atau sekolah rendah aliran perdana melainkan dikecualikan daripada berbuat demikian.

**Adalah penting untuk memahami keperluan anak anda bagi membuat keputusan terbaik mengenai laluan pendidikan dan sokongan yang paling sesuai untuknya.** Dalam seksyen ini, anda akan mengetahui lebih lanjut tentang:

- *Perkara yang perlu dipertimbangkan semasa memilih laluan pendidikan yang sesuai untuk anak anda;*
- *Pilihan laluan pendidikan yang tersedia; dan*
- *Bagaimana anda boleh menyokong anak anda melalui peralihan daripada EIPIC dan/atau prasekolah, kepada persekitaran pendidikan seterusnya, dengan membina sistem sokongan yang kukuh.*

<sup>8</sup>Seorang kanak-kanak dikategorikan mempunyai Keperluan Pendidikan Khas apabila dia menerima diagnosis rasmi sebagai kurang upaya, memerlukan sumber yang berbeza dan/atau tambahan dari apa yang tersedia secara konvensional, dan berbanding kanak-kanak yang sama umur, dia menunjukkan lebih kesukaran untuk belajar, atau kesukaran menggunakan kemudahan pendidikan, atau beberapa kerosakan dalam segi sosial, akademik, fizikal atau deria.

# PERKARA YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN SEMASA MEMILIH LALUAN YANG SESUAI

## LALUAN PENDIDIKAN YANG MUNGKIN BOLEH DILAKSANAKAN

Pencapaian utama seterusnya dalam kehidupan anak anda ialah apabila dia beralih daripada prasekolah kepada umur persekolahan. Pilihan yang tersedia ada ialah:

1

### Sekolah Rendah Aliran Perdana

Ini sesuai untuk kanak-kanak yang mempunyai kebolehan kognitif dan kemahiran penyesuaian untuk mengakses kurikulum kebangsaan dan persekitaran pembelajaran aliran perdana.

2

### Sekolah Pendidikan Khas (SPED)

Ini mungkin disyorkan jika anak anda memerlukan kurikulum yang disesuaikan di mana sokongan yang lebih intensif dan khusus disediakan untuk membantu anak anda membangun kemahiran asas celik huruf dan celik angka, serta kemahiran menyesuaikan diri untuk mengurus aktiviti harian dan pembelajaran dalam persekitaran kumpulan kecil.

#### Penangguhan (Deferement)

Ini mungkin disyorkan jika profesional perubatan atau intervensi awal (Early Intervention (EI)) telah menilai bahawa anak anda mungkin belum sedia untuk beralih ke persekolahan formal kerana kesihatannya, Keperluan Pendidikan Khas (Special Educational Needs (SEN)), kemajuan yang tertunda, atau keadaan lain. Anda boleh memohon untuk menangguhkan permulaan pengajian Darjah 1 atau Tahun 1. Permohonan anda mesti disokong oleh profesional kesihatan yang berkelayakan.



**Semasa anda memutuskan laluan pendidikan yang sesuai untuk anak anda, adalah penting untuk memahami, menerima dan menyokong keperluan pembelajaran anak anda, serta mengiktiraf, menghargai dan membangunkan kekuatannya.** Terdapat pelbagai laluan pendidikan yang tersedia untuk membolehkan kanak-kanak dengan kekuatan dan keperluan yang berbeza untuk disokong pada tahap yang paling sesuai di setiap peringkat kehidupan mereka untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya.

**Laluan pendidikan harus dipilih berdasarkan tahap pembangunan semasa anak anda, profil kekuatan dan keperluan, serta kesedieniaan sekolah.** Anak anda kemudiannya boleh disarankan jenis dan tahap sumber dan sokongan yang sesuai untuk mereka berkembang dan membangunkan kebolehan mereka dengan sebaik mungkin.

## PENILAIAN HOLISTIK UNTUK PERALIHAN SEKOLAH

Pakar psikologi anak anda dan profesional perubatan lain atau Pakar Persekutuan Kesihatan (Allied Health Professionals (AHP)) boleh mengesyorkan Ujian Penempatan Sekolah (School Placement Test) atau Penilaian Kesedieniaan untuk ke Sekolah (School Readiness Assessment) untuk mengetahui persekitaran pendidikan yang paling sesuai untuk anak anda selepas prasekolah/Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak (Early Intervention Programme for Infants and Children (EIPIC)). Penilaian tersebut akan memberikan maklumat tentang keupayaan kognitif anak anda, kemahiran fungsi penyesuaian seperti komunikasi, sosialisasi dan penjagaan diri, serta kemahiran akademik seperti celik huruf dan celik angka.

Penilaian ini biasanya dijalankan pada tahun anak anda mendaftar untuk Darjah 1 atau Tahun 1.



## Salah Tanggapan Biasa

- Jika saya menghantar anak saya untuk penilaian bagi membantu dalam peralihan sekolah, seperti Penilaian Penempatan Sekolah atau Penilaian Kesediaan Sekolah, anak saya perlu pergi ke sekolah SPED.**
- Ibu bapa akan membuat keputusan muktamad mengenai pilihan sekolah untuk anak mereka.** Melalui penilaian, para profesional akan memberikan anda pemahaman yang lebih baik tentang keperluan anak anda dan mengesyorkan jenis dan tahap sokongan, serta persekitaran pendidikan yang paling sesuai dimana anak anda akan mendapat lebih manfaat. Penilaian ini merupakan panduan untuk anda memutuskan tentang persekitaran pendidikan yang terbaik untuk pembelajaran dan kesejahteraan anak anda.
- Walaupun para profesional mengesyorkan anak saya mendaftar di sekolah SPED berdasarkan penilaian peralihan, adalah lebih baik untuk saya mendaftarkan anak saya di sekolah rendah aliran perdana kerana dia mungkin berkembang semasa di sana.**
- Sekiranya para profesional yang bekerjasama dengan anak anda menilai dan mendapati bahawa keperluannya akan disokong dengan lebih baik di sekolah SPED dengan program yang disesuaikan, adalah baik bagi anak anda untuk mendaftar di sekolah yang disyorkan. Tuntutan, serta tahap sokongan dan sumber yang tersedia di sekolah rendah aliran perdana, mungkin tidak memberi manfaat kepada anak anda atau dapat memenuhi keperluan anak anda dengan secukupnya. Jika anak anda pergi ke sekolah SPED, dengan sokongan yang sesuai dan program yang disesuaikan untuk anak anda, berkemungkinan besar akan membolehkan anak anda belajar pada kadar yang sesuai untuknya, yang akan memberi manfaat untuk perkembangannya dalam jangka masa yang lebih lama.**

**Hasil penilaian akan membantu anda membuat keputusan termaklum mengenai laluan pendidikan yang terbaik untuk anak anda.** Pakar EI yang bekerjasama dengan anak anda akan memberi cadangan tentang peralihan sekolah dengan anda dan menggalakkan anda membawa anak anda untuk penilaian.



## Semakan Emosi

Membuat keputusan mengenai laluan pendidikan anak anda memerlukan masa dan usaha. Perjalanan anda untuk mengetahui kekuatan dan keperluan anak anda, memahami sokongan yang dia perlukan, dan memohon sekolah yang sesuai mungkin penuh dengan jatuh bangun. Ketahui bahawa anda boleh mendapatkan sokongan daripada profesional perubatan dan EI yang bekerjasama dengan anak anda.



## Bilakah anda harus mula memikirkan tentang peralihan kepada peruntukan umur bersekolah?

Cubalah petua ini untuk anak anda, diri anda dan keluarga anda semasa membuat pilihan bagi menyediakan anak anda untuk beralih ke persekolahan formal.

K1

### Apa yang boleh anda lakukan untuk anak anda

\* Ambil perhatian,  
jika anak  
anda telah  
menangguhkan  
pendaftaran  
P1, prosesnya  
samatetapi lewat 1  
tahun kemudian

K2\*

### Apa yang boleh anda lakukan untuk diri anda

### Apa yang boleh anda lakukan dengan pasangan/ keluarga anda

- ❖ Ketahui kedudukan anak anda dari segi kebolehan kognitif dan kemahiran penyesuaianya dan bersabar dan sedar tentang apa yang dia mampu lakukan
- ❖ Luangkan masa untuk mengumpulkan maklumat penting tentang pilihan persekolahan anak anda dan perkhidmatan yang tersedia
- ❖ Berbincang dengan guru anak anda, pakar El atau AHP tentang keperluannya, pilihan program peralihan dan penilaian
- ❖ Pertimbangkan penangguhan, jika perlu

- ❖ Mulakan proses permohonan lebih awal. Penting untuk mengambil perhatian bahawa permohonan untuk sekolah SPED boleh mengambil masa sehingga setahun
- ❖ Hantar anak anda untuk penilaian yang diperlukan bagi memastikan kebolehan dan kemahirannya
- ❖ Kumpulkan laporan yang diperlukan dan perhatikan tarikh-tarikh permohonan anda
- ❖ Buat lawatan sekolah, jika boleh
- ❖ Berbincang dengan anak anda tentang ke sekolah; uruskan sebarang kebimbangan dan fikirkan strategi
- ❖ Perkasakan anak anda untuk cuba yang terbaik di sekolah

- ❖ Berbincang dengan ibu bapa lain tentang situasi anda
- ❖ Renungkan jangkaan dan kepercayaan anda sendiri; laraskan semula, jika perlu
- ❖ Baca tentang penginapan dan arahan/ubahsuai
- ❖ Ketahui sokongan yang terdapat untuk tahun sekolah rendah anak anda

- ❖ Bersikap terbuka
- ❖ Tanya soalan
- ❖ Berbincang dengan penyedia El atau pakar pediatrik anak anda di KKH/NUH untuk mengetahui lebih lanjut tentang forum ibu bapa yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (Ministry Of Education (MOE)), KKH dan NUH di sekolah SPED
- ❖ Sertai kumpulan sokongan penjaga untuk mendapatkan nasihat dan sumber tentang langkah seterusnya

- ❖ Berbincang dengan keluarga anda tentang pilihan yang tersedia
- ❖ Selaraskan jangkaan, nilai dan kepercayaan anda
- ❖ Kongsi apa yang anda temui

- ❖ Jemput pasangan anda untuk menyertai dan mengambil bahagian dalam pembelajaran dan membuat keputusan
- ❖ Terangkan dan wujudkan garis sempadan dengan datuk dan nenek
- ❖ Beri masa untuk menyesuaikan diri dengan rutin baharu



## Sepucuk Surat untuk Diri Saya yang Lebih Muda

Terence Lew berkongsi apa yang dia akan beritahu kepada dirinya yang lebih muda jika dia boleh. Ia adalah video inspirasi yang menunjukkan bagaimana dia dapat mengatasi cabaran walaupun dia kurang upaya.

Klik [di sini](#) untuk menonton video.

## Membesarkan Kanak-kanak dengan Gangguan Spektrum Autisme

Noah disahkan mempunyai Gangguan Spektrum Autisme pada umur tiga tahun. Dia membesar sebagai penerima biasiswa waktu belajar di Universiti Nasional Singapura.

Klik [di sini](#) untuk membaca tentang pengalaman peribadi ibunya, Puan Florence Goh dalam membesar anak yang mempunyai ASD.



## Bacaan dan Maklumat Lanjut

- Halaman peringkat kehidupan [Panduan Keupayaan](#) menyediakan maklumat tentang pelbagai peringkat dan peralihan yang akan dilalui oleh anak anda, serta pelbagai pilihan yang tersedia yang mungkin anda ingin pertimbangkan untuk anak anda.
- [Direktori perkhidmatan Panduan Keupayaan](#) membantu anda mencari penyedia perkhidmatan yang sesuai untuk anak anda.
- [Lembaran Berita Schoolbag](#) mempunyai maklumat tentang program dan sokongan dalam aliran perdana dan sekolah SPED.
- [Panduan Ibu Bapa untuk Peralihan Pasca-EIP Program Intervensi Awal Pusat Rainbow](#) menyediakan maklumat tentang peringkat proses peralihan yang berbeza, serta petua dan sumber untuk membantu anda membuat persediaan baginya.

# MEMAHAMI LALUAN PENDIDIKAN YANG BERBEZA

## SEKOLAH RENDAH ALIRAN PERDANA

### Semua Sekolah Aliran Perdana

Sekolah rendah aliran perdana sesuai untuk kanak-kanak yang mempunyai kebolehan kognitif dan kemahiran penyesuaian untuk mengakses kurikulum kebangsaan dan persekitaran pembelajaran aliran perdana. Sekolah rendah aliran perdana boleh menyokong pelajar dengan Keperluan Pendidikan Khas (SEN) termasuk Gangguan Spektrum Autisme ringan, Gangguan Hiperaktif Kurang Perhatian (ADHD), disleksia, kehilangan pendengaran dan kurang daya upaya visual.

Terdapat pelbagai sokongan berdasarkan sekolah yang tersedia di sekolah rendah aliran perdana. Guru mempunyai pemahaman dan strategi asas untuk menyokong pelajar dengan SEN dalam kelas mereka. Sekolah

juga mempunyai Guru yang dilatih dalam Keperluan Khas (Teachers trained in Special Needs (TSN)) dan kakitangan khusus seperti Pendidik Bersekutu (Sokongan Pembelajaran dan Tingkah Laku) (Allied Educator (Learning and Behavioural Support)), program intervensi dan sokongan, dan peruntukan lain untuk kanak-kanak yang mungkin memerlukan bantuan tambahan. Anda boleh merujuk kepada [SchoolFinder MOE](#) untuk mendapatkan maklumat yang boleh membantu anda memutuskan sekolah yang terbaik untuk menyokong anak anda dengan SEN. **Jika anak anda memerlukan sokongan tambahan, ini harus dimaklumkan kepada pihak sekolah semasa pendaftaran supaya sokongan yang sewajarnya boleh diberikan.**

## Cerita yang Dipaparkan

### MENYEDIAKAN ANAK ANDA UNTUK SEKOLAH ALIRAN PERDANA

Anda mungkin bimbang apabila anak anda dengan SEN berada di sekolah aliran perdana. Soalan seperti "Bolehkah mereka menghadapinya?" dan "Bolehkah mereka menyesuaikan diri?" mungkin terlintas di fikiran anda. Pengetua Ahli Psikologi Pendidikan, Profesor Madya (Dr) Mariam Aljunied, berkongsi apa yang kanak-kanak dengan SEN bolehjangkakan di sekolah aliran perdana dan bagaimana ibu bapa boleh membuat proses penyesuaian selancar mungkin. Klik [di sini](#) untuk membaca apa yang Profesor Mariam kongsikan.



#### Sekolah Aliran Perdana yang Dilantik

Terdapat sekolah aliran perdana yang dilantik untuk menyediakan sokongan khusus untuk kanak-kanak yang mengalami kehilangan pendengaran sederhana hingga mendalam atau kurang daya upaya visual.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang persekitaran, budaya dan program sekolah tersebut, anda boleh melayari laman web sekolah tersebut, menghadiri rumah terbuka mereka, atau melawat [Schoolbag](#) untuk mengetahui lebih lanjut tentang program dan sokongan di sekolah aliran perdana.

### MENGIMBAU KEMBALI KEHIDUPAN SAYA SEBAGAI PELAJAR

Tan Siew Ling, yang buta dan pekak sepenuhnya, berkongsi pengalaman sekolahnya. Dia bercakap tentang sumber yang membantunya mengatasi kecacatannya dan bagaimana pendidikan menjadikan kanak-kanak seperti dia lebih inklusif. Klik [di sini](#) untuk membaca kisah beliau.

### SETIAP KANAK-KANAK BERPOTENSI UNTUK BELAJAR DAN BERJAYA

Sebagai ibu kepada anak yang mempunyai disleksia, Flora mengimbau kembali titik perubahan di mana dia menemui minat dan bakat anaknya yang kuat untuk seni. Bersama dengan sekolahnya, beliau menyokong usaha seni anaknya apabila dia terus mencapai pelbagai pujian dan anugerah sebagai pengiktirafan terhadap bakatnya. Klik [di sini](#) untuk membaca kisahnya dan cara dia membantu anaknya berkembang.

### MEMBANTU PELAJAR DENGAN KEPERLUAN KHAS DI SEKOLAH ALIRAN PERDANA

Encik Mohammad Azhari Bin Basiran, seorang Pendidik Bersekutu (Sokongan Pembelajaran dan Tingkah Laku) di Sekolah Rosyth berkongsi pengalaman dan perspektif beliau tentang menyokong pelajar dengan SEN di sekolah aliran perdana. Klik [di sini](#) untuk membaca tentang pengalaman beliau.

### MENGEMUDI PERJALANAN PENJAGAAN

Glen, bapa kepada anak autisme, berkongsi cabaran yang dia dan keluarganya hadapi untuk memahami dan menyokong keperluan anaknya. Walaupun bergelut dalam perjalanan penjagaannya, dia tetap positif dan berdedikasi terhadap pembelajaran dan perkembangan anaknya. Klik [di sini](#) untuk membaca tentang pengalamannya dan harapannya untuk anaknya.

Ketahui lebih lanjut tentang cara menyokong anak anda melalui peralihan dari prasekolah ke sekolah rendah [di sini](#).

Perkara lain untuk dipertimbangkan termasuk:

- ➊ Jarak sekolah dari rumah; dan
- ➋ Minat anak anda dan aktiviti kurikulum di sekolah tersebut.

Anda boleh menghubungi sekolah secara langsung selepas anak anda berjaya

didaftarkan untuk membincangkan rancangan memperkenalkan anak anda kepada persekitaran sekolah, program dan kakitangan sekolah yang relevan, jika perlu.

### Proses Permohonan

Proses pendaftaran Darjah 1 (P1) MOE biasanya berlangsung dari Julai hingga Ogos setiap tahun. Ibu bapa akan dimaklumkan tentang keputusan pendaftaran melalui SMS pada hari pengumuman keputusan. Ketahui lebih lanjut tentang pendaftaran P1 [di sini](#).



### Apa Yang Boleh Anda Lakukan

Anda mungkin ingin mempertimbangkan saranan ini semasa memilih sekolah:

- ➊ Sediakan anak anda untuk peralihan sekolah peringkat umur dan berunding dengan doktor anak anda dan/atau pakar El, prasekolahnya dan sekolah berkemungkinan selanjutnya. Berbincang dengan kakitangan penting ini untuk mengetahui tentang keperluan anak anda dan sokongan yang diperlukan.
- ➋ Ketahui lebih lanjut tentang budaya dan program sekolah. Pertimbangkan di mana keperluan dan pilihan anak anda akan **dipadankan dan disokong**.
- ➌ Biarkan anak anda terlibat dalam proses penerokaan ini. Hadiri rumah terbuka sekolah bersama anak anda atau lawati laman web sekolah dan berbincang dengan kakitangan untuk mengetahui lebih lanjut. Jika boleh, aturkan anak anda untuk melawat sekolah yang anda senaraikan untuk melihat sama ada dia selesa dengan persekitaran. Jika anak anda menyukai sekolah baru, lawatan sekolah itu akan menggalakkan anak anda dan memberi mereka sesuatu yang dinantikan.
- ➍ Jika boleh, hadiri rumah terbuka bersama pasangan anda atau lawati laman web sekolah dan berbincang dengan kakitangan untuk mengetahui lebih lanjut.
- ➎ Anda boleh merujuk kepada panduan MOE tentang ["Cara memilih sekolah rendah"](#) dan ["Sekolah yang mana untuk anak saya? Panduan Ibu Bapa untuk Anak dengan Keperluan Pendidikan Khas"](#) untuk mengenal pasti sekolah terbaik yang boleh menyokong anak anda dengan SEN.
- ➏ Jika anda sedang mempertimbangkan untuk menghantar anak anda ke Sekolah Pendidikan Khas (SPED), anda boleh merujuk kepada panduan MOE "Pendidikan Khas untuk Kehidupan Luar Biasa: Panduan Maklumat Sekolah Pendidikan Khas di Singapura" dan laman web MOE mengenai sekolah SPED untuk mengetahui lebih lanjut.

## SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

Jika anak anda memerlukan tahap sokongan pendidikan yang lebih tinggi, dia mungkin mendapat manfaat daripada kurikulum yang disesuaikan dan sokongan tambahan dalam perkembangan kemahiran asas celik huruf dan celik angka, serta kemahiran menyesuaikan diri (cth. kemahiran komunikasi, kemahiran mengurus tuntutan aktiviti sehari-hari, kemahiran untuk bersosial dengan orang lain, dan mengurus emosi mereka). Semua Sekolah Pendidikan Khas (SPED) menyediakan kurikulum intensif dan disesuaikan untuk kanak-kanak dengan Keperluan Pendidikan Khas sederhana hingga serius (SEN).

Anda boleh menghantar borang permohonan SPED dengan dokumen yang diperlukan ke sekolah SPED pilihan pertama anda. Sama seperti sekolah rendah aliran perdana, tarikh akhir permohonan yang berbeza adalah tahun sebelum anak anda bermula di sekolah SPED. Salinan [borang permohonan SPED](#) dan [panduan pengguna](#) yang disertakan, serta [tarikh permohonan SPED](#), boleh didapati di [laman web MOE](#).



## Apa Yang Boleh Anda Lakukan

Anda mungkin ingin mempertimbangkan saranan ini semasa proses permohonan:

- ➊ Anda boleh menandakan sehingga **tiga pilihan Sekolah Pendidikan Khas** dalam borang permohonan. Pertimbangan utama ialah penilaian dan pengesyoran untuk penempatan pendidikan yang dibuat oleh profesional yang berkelayakan, kesesuaian program sekolah untuk keperluan anak anda, dan jarak sekolah dari rumah.
- ➋ Ambil perhatian bahawa sekolah yang berbeza mungkin mempunyai tarikh akhir yang berbeza untuk memohon.
- ➌ Lampirkan semua dokumen yang diperlukan dengan teliti. Permohonan hanya boleh diproses jika **semua** dokumen yang diperlukan telah dihantar.
- ➍ Anda akan menerima keputusan permohonan **dalam masa tiga hingga enam bulan** dari tarikh penghantaran permohonan. Anda juga boleh menghubungi sekolah SPED yang anda mohon untuk mengetahui status permohonan anda jika anda tidak mendapat sebarang maklum balas daripada mereka dalam masa sebulan selepas menghantar permohonan.
- ➎ Daftarkan anak anda di sekolah **dalam masa dua minggu** dari hari anda menerima surat tawaran.
- ➏ Untuk maklumat lanjut mengenai proses permohonan, klik [di sini](#).



## Bacaan dan Maklumat Lanjut

- ➊ [Soalan Lazim](#)
- ➋ [SchoolFinder | MOE](#)

### Sumber SEN

- ➌ Untuk maklumat lanjut tentang sokongan yang tersedia di sekolah, anda boleh merujuk kepada [Panduan Keupayaan](#)

## PENANGGUHAN

Penangguhan kemasukan anak anda ke peringkat pendidikan seterusnya (iaitu selepas prasekolah/Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak (Early Intervention Programme for Infants and Children (EIPIC)). **Penangguhan hanya disyorkan dalam keadaan tertentu** (apabila anak anda memerlukan masa tambahan untuk mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk ke persekolahan formal) oleh profesional kesihatan yang berkelayakan dan/atau intervensi awal (Early Intervention (EI)). Setiap permintaan penangguhan akan dipertimbangkan dengan teliti oleh MOE dan mesti disokong oleh profesional kesihatan yang berkelayakan. Anda boleh merujuk kepada borang permohonan penangguhan MOE untuk maklumat lanjut.

*Setelah penilaian dan saranan diperoleh daripada EIPIC, memo perubatan daripada profesional perubatan tidak diperlukan untuk permohonan tersebut.*

## Apa yang anda perlu tahu jika anak anda telah disyorkan penangguhan

- ➊ Selaras dengan Akta Pendidikan Wajib, mana-mana kanak-kanak yang ditangguhkan ke peringkat persekolahan seterusnya perlu menghadiri prasekolah atau pusat EI sepanjang tempoh penangguhan (melialkan pengecualian telah diberikan oleh MOE untuk persekolahan di rumah yang berstruktur).
- ➋ Semasa tempoh penangguhan, adalah disyorkan supaya anak anda menerima sokongan yang disasarkan dan peluang untuk menyediakannya dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk ke sekolah.
- ➌ Anda harus terus memantau dan menyemak kemajuan anak anda dan berunding dengan profesional untuk mengesyorkan penempatan pendidikan yang sesuai sebelum tahun penangguhan berakhir.



## Cerita yang Dipaparkan



### MENCARI SEKOLAH UNTUK ANAK ANDA DENGAN SEN

20% daripada semua kanak-kanak dengan SEN menghadiri salah satu Sekolah Pendidikan Khas yang dibiayai oleh kerajaan. Pengetua Psikologi Pendidikan di MOE, Dr Chong Suet Ling, menghuraikan perubahan kepada kurikulum pendidikan khas dan cara memilih Sekolah Pendidikan Khas untuk anak anda. Klik [di sini](#) untuk membaca nasihat Dr Chong.

### MENGHUBUNGKAN RUMAH DAN SEKOLAH MELALUI PELAN PENDIDIKAN INDIVIDU BERSAMA PENDIDIK SEKOLAH SPED ANAK SAYA

Klik [di sini](#) untuk membaca tentang cara anda dan sekolah anak anda boleh bekerjasama bagi perkembangan Pelan Pendidikan Individu yang disesuaikan untuk menyokong keperluan anak anda di sekolah mereka.

### ANDA TIDAK BERSENDIRIAN

Seorang ibu yang mempunyai anak lelaki remaja, yang mempunyai autisme, berkongsi pengajaran yang dia pelajari daripada membesarakan anak istimewanya. Klik [di sini](#) untuk membaca suratnya kepada ibu bapa yang lain.

### PERJALANAN BERSAMA: MEMBINA PERSAHABATAN - SEKOLAH EDEN DAN SEKOLAH RENDAH PRINCESS ELIZABETH

Persahabatan yang lahir daripada melakukan aktiviti yang dikongsi sama dan minat yang sama. Bagi Jaylen Lai dan Prapvina Bathmanathan, minat bermain badminton telah membolehkan persahabatan mereka berkembang. Klik [di sini](#) untuk mengetahui bagaimana Jaylen, seorang kanak-kanak autisme dan pelajar di Eden School, bertemu Prapvina melalui program Inklusif Main di Sekolah Rendah Princess Elizabeth.

### MENDIDIK ANAK DENGAN KEPERLUAN KHAS

Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya yang mengalami autisme membuka jalan kepada pengalaman pembelajaran dan penemuan diri yang luar biasa, termasuk memilih sekolah yang sesuai untuknya. Klik [di sini](#) untuk membaca kisah Brenda.



# PERKARA YANG ANDA BOLEH LAKUKAN UNTUK MEMUDAHKAN PERALIHAN ANAK ANDA

Untuk memastikan peralihan yang lancar untuk anak anda dari prasekolah/Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak (Early Intervention Programme for Infants and Children (EIPIC)) sama ada ke sekolah rendah aliran perdana atau sekolah Pendidikan Khas (SPED), anda boleh bekerjasama dengan para profesional, pihak sekolah dan anak anda, sedang dia menyesuaikan diri dengan perubahan.



## Semakan Emosi

### Peralihan adalah mencabar untuk anda dan anak anda

- Harapan, impian dan jangkaan anda daripada anak anda mungkin perlu diselaraskan di sepanjang perjalanan sambil anda memerhatikan kekuatan dan keperluannya.
- Semasa anak anda berpindah ke sekolah seterusnya (yang mungkin memenuhi keinginan anda atau tidak), anda mungkin berasa sedih atau cemas.
- Cari cara untuk menyokong diri anda. Adalah amat penting untuk menjaga kesihatan emosi, mental dan fizikal anda sendiri untuk memastikan hasil yang terbaik untuk diri anda, anak anda dan keluarga anda sepanjang tempoh peralihan ini.

Sumber untuk keperluan perkembangan dan kumpulan sokongan khusus kurang upaya disenaraikan di bawah:

- Panduan Keupayaan - Kumpulan Sokongan
- Sumber dari Caring.SG (untuk ahli sahaja, pendaftaran adalah percuma)

Terokai juga pelbagai kumpulan sokongan ibu bapa di pangkalan sekolah/Agenzi Perkhidmatan Sosial (Social Service Agency (SSA)).

- Sambil anda melihat anak anda maju ke sekolah seterusnya, ingatlah untuk meraikan setiap peningkatan kecil yang dilakukan oleh anak anda sepanjang perjalanan. Detik-detik kemenangan seperti ini memberi anda keberanian untuk masa hadapan.
- Melibatkan orang dewasa yang penting dalam keluarga (cth. datuk dan nenek) melalui proses penerokaan jika boleh. Semakin mereka memahami dan menyokong keputusan dan rancangan anda, semakin mudah untuk menyokong anak anda ke peringkat seterusnya dalam kehidupan sebagai sebuah keluarga yang bersatu.

## MENYEDIAKAN BAKAL SEKOLAH ANAK ANDA

Anak anda memerlukan semua sokongan anda untuk membuat persediaan dan peralihan dengan lancar daripada satu persekitaran pendidikan kepada persekitaran yang seterusnya. **Anda adalah tonggak utama sokongan dan titik hubungan untuk anak anda.** Adalah penting untuk anda berhubung dan memberikan maklumat kepada sekolah anak anda yang seterusnya **sebelum** anak anda memasuki persekitaran baharu.



### Apa Yang Boleh Anda Lakukan

- ❖ **Mulakan hubungan** dengan sekolah penerima anak anda dan aturkan untuk berjumpa dengan kakitangan semasa kemasukan untuk membincangkan keperluan anak anda.
- ❖ **Berkongsi maklumat** seperti laporan (cth. penilaian oleh profesional, laporan peralihan) dan pelan pendidikan daripada pusat intervensi awal (Early Intervention (EI)) anak anda, prasekolah atau sebarang bahan dan alat-alat yang digunakan oleh anak anda dengan sekolah penerima. Maklumat ini membantu sekolah penerima memperolehi pemahaman yang lebih baik tentang anak anda dan merancang dan menyediakan sokongan yang diperlukan untuk anak anda supaya dia boleh bermula dengan asas yang kukuh dan mengintegrasikan ke sekolah dengan lancar.
  - a. Jika anak anda mendaftar ke sekolah rendah aliran perdana dan dia mempunyai keperluan yang anda ingin pendidik anak anda ketahui, anda boleh memaklumkan kepada pihak sekolah terlebih dahulu (cth. Oktober tahun sebelum kemasukan ke sekolah).
  - b. Jika anak anda mendaftar ke Sekolah Pendidikan Khas (SPED), anda harus memberikan maklumat penting tentang anak anda dalam Borang Permohonan Sekolah SPED.
- ❖ **Berkomunikasi** dengan sekolah anak anda. Pihak sekolah akan memberikan kemas kini mengenai anak anda. Pada masa yang sama, ibu bapa digalakkan untuk berkongsi secara terbuka dan berkomunikasi secara kerap dengan pihak sekolah dan guru untuk menyokong anak anda bersama. Anda juga boleh menghubungkan pendidik EI anak anda dan/atau pendidik prasekolah dengan sekolah penerima untuk membincangkan pelan sokongan.

## MENYEDIAKAN ANAK ANDA

Oleh kerana ini akan menjadi persekitaran baharu untuk anak anda, anda harus meluangkan sedikit masa berbincang dengan anak anda untuk memperkenalkan persekitaran dan menerangkan beberapa perubahan yang mungkin dialaminya.



### Apa Yang Boleh Anda Lakukan

- ◆ **Mendirikan sikap berdikari:** Kebanyakan program intervensi awal (EI) akan mempunyai program kesediaan sekolah sebelum tamat tahun K2 anak anda. Program peribadi juga tersedia. Semak cara anda boleh membantu untuk mengukuhkan kemahiran ini di rumah dan dalam masyarakat dengan pendidik di pusat penjagaan anak anda, Pendidik Sokongan Pembelajaran (LSEd), Pakar Persekutuan Kesihatan (AHP) atau pendidik EI.
- ◆ **Membina kesediaan sosial dan emosi:** Berbincang dengan penyedia EI anak anda tentang perkembangan sosial dan emosinya. Anda boleh memulakan perbincangan ini dengan bertanya kepada penyedia EI tentang strategi untuk menyokong anak anda dalam menyampaikan keperluannya dan menjaga diri daripada dibuli. Anda juga boleh mengadakan perbincangan dengan guru di sekolah penerima mengenai sistem *buddy* untuk anak anda membantu memudahkan kehidupan sekolah baharu (cth. sebilangan sekolah menugaskan pelajar dari peringkat tinggi di sekolah untuk menjadi rakan kepada pelajar dari peringkat rendah).
- ◆ **Menerangkan jangkaan bilik darjah dan peraturan sekolah dengan jelas:** Anda boleh menyediakan anak anda untuk memasuki sekolah baharu dengan menerangkan beberapa peraturan sekolah, nilai dan tingkah laku yang dijangkakan dalam persekitaran sekolah (cth. bagaimana dia perlu duduk di mejanya semasa pelajaran atau bagaimana mengikut rakan sekelasnya berjalan ke kantin untuk membeli makanan pada waktu rehat). Bersedia untuk mengulangi nasihat ini kepada anak anda dengan sabar.
- ◆ **Membantu untuk membina rutin kerja dan rehat yang sihat:** Pastikan anak anda mendapat tidur yang mencukupi. Pemakanan yang sihat juga penting untuk memastikan anak anda cergas dan bersedia untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti di sekolah.
- ◆ **Pantau:** Perhatikan dan ambil peduli jika terdapat sebarang perubahan dalam tingkah laku, corak tidur, selera makan, dsb. apabila anak anda bermula di sekolah baharu. Sebilangan kanak-kanak mungkin mengalami beberapa perubahan ini apabila mereka menyesuaikan diri dengan sekolah baharu dan memerhatikan anak anda boleh memberi anda gambaran tentang cara dia menghadapi peralihan.



Untuk lebih banyak petua tentang menyediakan anak anda ke sekolah rendah, anda boleh merujuk kepada kit sumber MOE untuk membantu para ibu bapa menyediakan anak mereka ke sekolah rendah:

- ➊ [Kit Ibu Bapa: Peralihan dari Prasekolah ke Sekolah Rendah](#)
- ➋ [Menyediakan Anak Anda Untuk Sekolah Baharu: Kit Sumber untuk Ibu Bapa bagi Anak dengan Keperluan Tambahan](#)
- ➌ [Memulakan Perjalanan Darjah 1 Anda](#)

Semasa membuat persediaan untuk peralihan ini, anda mungkin ingin mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- ➍ Pilihan intervensi dan penjagaan pelajar apabila anak anda memasuki sekolah rendah, selari dengan membuat keputusan bagi laluan pendidikan.
- ➎ Terus membangunakan kekuatan, minat dan hobi anak anda.



### Memperkuuhkan Kesediaan Sekolah di Rumah

Annette adalah penjaga sepenuh masa kepada tiga anak lelakinya, yang kesemuanya telah disahkan mempunyai autisme. Dia berkongsi cara menggalakkan tabiat pembelajaran yang baik di rumah dan sumber-sumber yang dia gunakan untuk menyediakan anak lelakinya ke sekolah rendah.

Klik [di sini](#) untuk menonton temu bual.

## MENYEDIAKAN DIRI ANDA DAN KELUARGA ANDA

Selepas berbincang dengan anak anda dan bakal sekolah mereka, adalah penting bagi menyediakan diri anda dan ahli keluarga anda untuk peralihan ini juga.



### Apa Yang Boleh Anda Lakukan

- ➏ **Beri diri anda dan anak anda sedikit masa untuk menyesuaikan diri.** Ia mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan untuk anak dengan keperluan pembangunan menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu dengan baik. Tempoh penyesuaian adalah serupa untuk anda dan keluarga anda.
- ➐ **Bersedia untuk rutin yang berubah.** Rutin dan jadual rumah anda mungkin perlu diselaraskan apabila anak anda pergi ke sekolah baharu. Keluarga yang telah menguruskan perubahan ini mendapat bawaan menyediakan jadual waktu untuk menyokong anak dan keluarga adalah berguna. Berbincang dengan anak anda untuk menerangkan perubahan dan perkara yang boleh mereka jangkakan.
- ➑ **Sertakan tempoh masa tambahan.** Jika anak anda kelihatan cemas semasa peralihan ini, anda boleh menyokongnya dengan memberinya masa tambahan untuk menyesuaikan diri dengan rutin sekolah baharu. Sebagai contoh, anda boleh membawa anak anda ke sekolah awal pagi untuk membolehkan dia membiasakan diri dengan persekitaran. Selainnya, anda boleh berbincang dengan anak anda untuk menjelaskan bawaan perasaan cemas tentang perubahan adalah perkara biasa dan yakinkan dia bawaan ada sokongan anda serta sokongan sekolah di setiap langkah perjalanan. Anda mungkin perlu mengubah suai jadual peribadi dan kerja anda sekiranya anak anda memerlukan lebih banyak sokongan di sekolah atau di rumah. Berbincang dengan pasangan anda dan/atau ahli keluarga yang lain tentang cara anda boleh menjadualkan masa untuk diluangkan bersama anak anda.
- ➒ **Membiasakan anak anda dengan rutin sekolah.** Anda boleh memperkenalkan jadual aktiviti dan peraturan asas yang mencerminkan persekitaran sekolah. Di samping itu, adalah berguna untuk mengajar dan berlatih menjalankan tugas yang anak anda akan lakukan sendiri di sekolah baharunya (cth. mengambil dan mengemas barang-barangnya).

04

# MENYOKONG DIRI ANDA DAN KELUARGA ANDA





**B**ab sebelumnya memberi tumpuan kepada anda dan perkembangannya, serta cara anda boleh membantu menyokong kemajuan dan peralihan anak anda. Dalam bab ini, kami mengalihkan tumpuan kepada anda – penjaga utama.

Peranan anda mungkin kelihatan memperkasakan atau menakutkan sepanjang usaha anda melakukan yang terbaik untuk anak anda. **Agar dapat menjaga anak dan keluarga anda, anda perlu menjaga diri anda terlebih dahulu. Ketahui bahawa terdapat sokongan yang tersedia untuk anda dan ia okay untuk mendapatkan bantuan.**

Bab ini menyediakan beberapa sumber tentang cara anda boleh:

- *Menyediakan diri anda sebagai penjaga;*
  - *Menerima sokongan sebagai penjaga;*
  - *Membina sistem sokongan keluarga yang kukuh; dan*
  - *Merancang untuk masa hadapan.*
- 
- 
- 
- 

# BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMPERSIAPKAN DIRI SEBAGAI PENJAGA

Apabila anda memperoleh pengetahuan dan kemahiran, anda akan mendapati diri anda mempunyai keyakinan untuk menyokong anak anda dan keluarga anda dengan lebih baik. Membina hubungan dengan penjaga lain yang memahami perkara yang anda lalui juga boleh menyokong anda dalam perjalanan penjagaan anda.

Terdapat beberapa perkara yang boleh anda lakukan untuk bermula:



## Teroka kursus latihan dan acara masyarakat yang sedia ada:

- a. Geran Latihan Penjaga (Caregivers Training Grant – AIC) menyediakan subsidi tahunan untuk membolehkan penjaga menghadiri kursus yang diluluskan yang meliputi pelbagai topik seperti penjagaan harian dan sokongan psikososial untuk membolehkan anda menjaga orang yang anda sayangi dengan lebih baik.
- b. SkillsFuture Singapura mempunyai pelbagai kursus penjagaan yang akan membolehkan anda menggunakan kredit SkillsFuture anda untuk memperoleh kemahiran baharu dan meningkatkan kemahiran sedia ada.
- c. Di lelaman Panduan Keupayaan (Enabling Guide) terdapat himpunan acara-acara masyarakat yang inklusif yang sesuai untuk golongan kurang upaya dan penjaga mereka. (<https://www.enablingguide.sg/events>)
- d. Aktiviti-aktiviti CAREconnect CaringSG membina pengetahuan dan kemahiran penjagaan, meningkatkan ikatan keluarga, dan mengukuhkan hubungan keluarga dengan kejiranan dan rakan kongsi masyarakat.
- e. Penyedia Sokongan Keibubapaan memberi latihan dan sokongan berkaitan keibubapaan yang mungkin dapat membantu anda.



## Cari kumpulan sokongan penjaga yang sesuai atau mohon *buddy* daripada CaringSG

- a. Panduan Keupayaan (Enabling Guide) telah menyusun senarai kumpulan sokongan berdasarkan jenis kurang upaya yang membolehkan anda menyertai landasan yang akan menyokong anda dalam perjalanan penjagaan anda.
- b. CaringSG menyediakan sokongan dan akses kepada kumpulan sokongan ibu bapa yang sesuai. Anda juga boleh memohon *buddy* apabila anda menjadi ahli dalam CaringSG.
- c. Tanya pusat intervensi awal (EI) anda/penyedia EI jika mereka boleh menawarkan perkhidmatan kumpulan sokongan.



## Layari laman web berikut untuk mendapatkan sumber yang berguna

- a. Lelaman Panduan Keupayaan (Enabling Guide) ialah portal rujukan utama untuk golongan kurang upaya dan penjaga mereka. (<https://www.enablingguide.sg/>)
- b. Sumber Keibubapaan Keluarga Sepanjang Hayat (Families For Life Parenting Resources) menyediakan sumber keibubapaan dan menerangkan skim sedia ada yang boleh anda gunakan.
- c. HealthHub mengandungi sumber, maklumat dan saranan tentang cara menjalani gaya hidup sihat dan aktif.
- d. Halaman sumber ahli CaringSG menghubungkan anda kepada senarai sumber, aktiviti berasaskan minat dan ruang masyarakat yang inklusif untuk membantu anda mencari aktiviti bagi merapatkan hubungan dengan anak anda serta memupuk minat dan bakat anak anda.

# SUBSIDI YANG ANDA BOLEH MEMANFAATKAN SEBAGAI PENJAGA

Kos penjagaan yang berkaitan boleh bertambah dari masa ke masa. Untuk membantu membayar dan menguruskan kos yang ditanggung, terdapat pelbagai skim yang tersedia untuk anda dan keluarga anda gunakan. Butiran lanjut skim-skim ini disenaraikan di bawah.

## SUBSIDI YANG SEDIA ADA UNTUK PROGRAM INTERVENSI AWAL YANG DIBIAYAI KERAJAAN

Keluarga yang layak secara automatik akan dipertimbangkan untuk subsidi yang disemak mengikut kemampuan untuk Program Intervensi Awal untuk Bayi & Kanak-kanak (Early Intervention Programme for Infants and Children (EIPIC)), program Sokongan Pembangunan-Plus (Development Support-Plus (DS-Plus)) dan Sokongan Pembangunan-Sokongan Pembelajaran (Development Support-Learning Support (DS-LS)), berdasarkan pendapatan isi rumah per kapita. Selepas subsidi, yuran untuk kanak-kanak yang merupakan Warganegara Singapura adalah antara \$5 hingga \$430 sebulan.

Hubungi penyedia perkhidmatan intervensi awal (Early Intervention (EI)) anda untuk maklumat lanjut tentang subsidi ini.

Penyedia perkhidmatan EI juga memberi sokongan kewangan tambahan kepada keluarga yang mungkin memerlukan bantuan lanjut. Sebagai contoh, anda boleh meminta semakan semula subsidi anda jika keluarga anda mempunyai beberapa orang anak yang memerlukan perkhidmatan EI atau berbilang tanggungan yang memerlukan penjagaan jangka panjang.

### Bagaimanakah subsidi ditentukan?

Subsidi yang lebih tinggi akan diberikan melalui semakan mengikut kemampuan:

*Sebagai contoh, jika anda mempunyai empat ahli keluarga dengan gabungan pendapatan isi rumah sebanyak \$8,000 (iaitu pendapatan isi rumah per kapita sebanyak \$2,000), kos EIPIC yang perlu dibayar selepas subsidi untuk anak anda ialah \$130 sebulan.*



Anda boleh merujuk kepada laman web SG Enable mengenai program EI yang berkaitan bagi maklumat lanjut tentang yuran untuk program-program yang tertemu

## SUBSIDI BERKAITAN PROGRAM EI YANG LAIN

Selain daripada subsidi program EI daripada Kerajaan untuk program yang dibiayai, penjaga juga boleh memanfaatkan skim-skim berikut:

Skim Subsidi Pengangkutan VWO (VWO Transport Subsidy (VWOTS) Scheme) menyokong Warganegara Singapura dan Penduduk Tetap kurang upaya yang layak yang memerlukan pengangkutan khusus yang disediakan oleh Agensi Perkhidmatan Sosial (Social Service Agency) untuk mengakses pusat EI, sekolah SPED, Pusat Aktiviti Harian (Day Activities Centres), Bengkel Berlindung (Sheltered Workshops) dan Pusat Penjagaan Pelajar Khas (Special Student Care Centres).

Dana Bantuan Teknologi (Assistive Technology Fund (ATF)) juga tersedia untuk menggalakkan penggunaan Teknologi Bantuan (Assistive Technology (AT)) awal, yang boleh membantu pembelajaran dan perkembangan anak anda.

- **AT terdiri daripada alat-alat dan sofwe yang direka bentuk untuk memperkasakan seseorang dalam kehidupan sehariannya dengan meningkatkan keupayaannya untuk melaksanakan fungsi seharian.** Contoh AT termasuk alat bantu pendengaran, kerusi roda, papan komunikasi, sofwe pengeluaran pertuturan dan banyak lagi.

## SOKONGAN KEWANGAN UNTUK PENJAGA

Terdapat skim-skim sokongan kewangan dan geran-geran untuk membantu membayar kos penjagaan dan penjagaan harian.

### Penjagaan:

- i. Geran Penjagaan Rumah (Home Caregiving Grant (HCG)) ialah pembayaran tunai bulanan sebanyak \$200 untuk menyokong orang yang anda sayangi yang sekurang-kurangnya kekal hilang upaya tahap sederhana.
- ii. Geran Latihan Penjaga.
- iii. Konsesi Levi Pembantu Rumah Asing (FDW) untuk Orang Kurang Upaya (Foreign Domestic Worker (FDW) Levy Concession for Persons with Disabilities) membolehkan keluarga membayar levi FDW pada kadar konsesi.

**Rebat cukai:** Bantuan Kelegaan Kanak-Kanak Kurang Upaya (Handicapped Child Relief) diberikan kepada anda untuk mengiktiraf usaha anda dalam menyokong anak anda.

**ComCare:** Menawarkan bantuan kewangan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk keluarga anda.

Bagi keluarga berpendapatan rendah, terdapat KidSTART untuk membolehkan kanak-kanak mendapat permulaan yang baik dalam kehidupan. Periksa dengan prasekolah anak anda bagi maklumat lanjut tentang bagaimana KidSTART boleh menyokong anda dalam perjalanan anda untuk membantu anak anda.

Kad pengenalan Pendaftaran Pembangunan Kurang Upaya (Developmental Disabilities Registry) bertujuan untuk mengenal pasti orang dengan pembangunan kurang upaya yang hilang dan menerima bantuan yang sewajarnya. Kad tersebut juga menawarkan skim manfaat yang memberi pemegang kad kadar diskau untuk perkhidmatan tertentu dan akses kepada pelbagai kemudahan yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Untuk maklumat lanjut tentang bantuan kewangan dan sokongan yang ada untuk anda, anak anda dan keluarga anda, sila rujuk ke Panduan Keupayaan.

Sekiranya keluarga anda memerlukan sokongan yang lebih holistik selain bantuan kewangan, anda boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Keluarga (Family Service Centres (FSC)) yang terdekat dengan anda untuk bantuan lanjut. Untuk mencari FSC terdekat anda, lawati Direktori MSF. Anda juga boleh merujuk kepada Support Go Where yang dapat membantu anda menyemak skim-skim sokongan yang relevan untuk anda.

## MELIBATKAN KELUARGA ANDA

Dalam perjalanan penjagaan, sokongan ahli-ahli keluarga boleh membantu anda untuk menjaga anak anda dan diri anda dengan lebih baik.

**Sebagai ibu bapa, anda boleh menetapkan rutin bagi memberi struktur harian untuk anak anda, diri anda dan keluarga anda dan mengurangkan ketidakpastian dan tekanan.** Beberapa sumber berguna bagi menetapkan rutin untuk anak anda dan keluarga boleh didapati di sini.

Sebagaimana setiap kanak-kanak adalah unik, begitu juga setiap keluarga – akan terdapat banyak percubaan dan kesilapan bagi menetapkan perkara yang terbaik untuk keluarga anda. **Ia mengambil masa untuk dinamik keluarga berubah.** Mungkin ada kalanya anda berasa ingin berputus asa, tetapi anda boleh, dengan sokongan, bangkit semula. Gunakan setiap pengalaman untuk mendalamkan pemahaman anda tentang perkara yang terbaik untuk anak anda, diri anda dan keluarga anda. Ubat suai dan cuba lagi! **Apabila anda berasa ingin berputus asa, berehat dan minta bantuan.**

“  
Perjalanan mungkin jauh, tetapi ia boleh menjadi cerah jika anda membiarkan cahaya matahari masuk.

”

### Dr Lim Hong Huay

Pakar Pediatrik, Klinik Rophi & Pengerusi Lembaga, CaringSG



#### Salah Tanggapan Biasa

- Keluarga saya tidak dapat membantu dalam apa jua cara kerana mereka tidak dimaklumkan atau dididik sepenuhnya tentang isu pembangunan anak saya.**
- Walaupun keluarga anda mungkin tidak dididik tentang keperluan anak anda, mereka boleh membantu dalam tugas penjagaan praktikal. Ini termasuk menjalankan strategi mudah seperti yang dikongsi oleh ahli terapi anak anda.
- Pasangan saya tidak mengambil berat tentang anak kami kerana pasangan saya tidak membantu anak kami seperti saya.**
- Pasangan anda mungkin mengalami kekeliruan atau kemurungan semasa cuba memahami keperluan anak anda. Pasangan anda mungkin berasa tidak berdaya dan berfikir bahawa anda lebih cekap untuk membantu anak anda. Berikan masa kepada pasangan anda untuk menerima situasi tersebut dan dapatkan bantuan lanjut daripada kaunselor jika perlu. Terus lakukan perkara-perkara kecil yang memberi anda kegembiraan sebagai pasangan dan keluarga. Puji pasangan anda dalam interaksinya dan mengukuhkan hubungan dengan anak anda bagi membantu dia berasa yakin untuk melakukan lebih banyak lagi.



**Mengukuhkan kerja berpasukan dengan pasangan anda.** Anda mungkin ada atau tidak mempunyai pasangan yang terlibat dalam penjagaan anak anda. Jika anda mempunyai pasangan yang terlibat, pasangan anda mungkin mempunyai kepercayaan, jangkaan, impian, harapan dan gaya keibubapaannya sendiri. Anda berdua mungkin juga mempunyai kekuatan dan cabaran, cara mengatasi, gaya komunikasi dan pendekatan penyelesaian masalah yang berbeza. Paling ketara, pasangan anda akan mempunyai haluan sendiri untuk memahami keperluan anak anda, yang mungkin sama atau tidak sama dengan anda. Berikut ialah beberapa langkah yang boleh anda ambil untuk menyelesaikan perbezaan anda sebagai ibu bapa.

- Mengetahui dahulu untuk memahami:
  - Di mana terdapat persamaan, anda boleh menyelaraskan diri anda untuk kekuatan dan keberanian.

- Di mana terdapat perbezaan, anda boleh menerima dan menghormati perbezaan anda, walaupun ia sukar.

- Di mana ada cabaran, anda boleh saling membantu dan bersabar antara satu sama lain.

- Anda boleh bersetuju untuk tidak bersetuju dalam beberapa perkara. Walau bagaimanapun, anda masih boleh menyelesaikannya bersama dan mencapai kata sepakat mengenai peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk menjaga anak anda.
- Terus memenuhi keperluan emosi pasangan anda kerana ia akan membina keyakinan pasangan anda dan membantu mengukuhkan hubungan anda.

leaf icon **Mendapatkan bantuan ahli keluarga.**

Di kalangan keluarga rakyat Singapura, ahli keluarga besar seperti datuk dan nenek, bapa saudara dan ibu saudara memainkan peranan penting dalam dinamik keluarga.



Pengaruh-pengaruh ini boleh menjadi positif atau negatif. Sama seperti pasangan anda, ahli keluarga selalunya mempunyai kepercayaan mereka sendiri tentang anak anda dengan keperluan pembangunan (DN).

- Jika anda menganggap mereka sebagai pengaruh positif atau sumber sokongan, dapatkan bantuan mereka lebih awal. Tahap dan jenis sokongan (kewangan, praktikal atau emosi) bergantung pada keupayaan ahli keluarga besar dan tahap keseselesaan anda berkaitan menerima bantuan.
- Walau bagaimanapun, jika pengaruh tersebut negatif, tidak membantu, dan anda mendapati bahawa ia melemahkan anda secara emosi, anda boleh membuat garis sempadan yang sihat. Anda boleh mengurangkan perbualan tentang anak anda demi kepentingan diri anda, anak anda dan keluarga anda.
- Ahli keluarga mungkin bermaksud baik, tetapi mereka mungkin tidak mengalami apa yang anda alami.

Oleh itu, pemahaman mereka mungkin terhad. Anda mungkin perlu memaklumkan, menerangkan dan mendidik ahli keluarga besar anda supaya mereka lebih faham.

**Menyokong adik-beradik dan membantu mereka memahami.** Anak anda dengan DN mungkin mempunyai adik-beradik yang sedang membesar (lebih tua atau lebih muda) dengan keperluannya sendiri. Kadang-kadang, adik-beradik kepada anak dengan DN mungkin bersedih kerana kehilangan impian dan harapan untuk kehidupan keluarga biasa dengan adik-beradik yang normal. Ada adik-beradik yang mungkin berasa kurang disayangi dan diabaikan, atau mereka mungkin berasa cemburu dan marah. Ada adik-beradik lain yang berasa kasihan terhadap adik-beradik mereka dengan DN dan mungkin cuba untuk menjadi anak yang baik kerana mereka memerhatikan betapa tertekannya anda dalam menjaganya. Apabila anda mempunyai sedikit masa menjaga anak anda dengan DN, anda boleh melakukan perkara berikut:



- Adakan waktu peribadi dengan setiap anak anda walaupun dalam aktiviti rutin seperti membawa anak ke sekolah atau membawa seorang anak bersama anda ke pasar raya.
- Terangkan keadaan anda kepada adik-beradik anak anda dan mengapa anda kadangkala tidak dapat meluangkan masa bersama mereka.
- Yakinkan mereka tentang kasih sayang anda kepada mereka dan galakkan mereka supaya berjumpa dan bercakap dengan anda apabila mereka berasa hampa.
- Bagi adik-beradik yang sanggup dan mampu membantu menjaga anak anda dengan DN, biarkan mereka mengambil bahagian dan membantu dengan memberi mereka tugas yang boleh dilaksanakan dan sesuai dengan umur mereka.
- Galakkan adik-beradik untuk menyertai kumpulan sokongan adik-beradik supaya mereka dapat mencari teman dengan orang lain yang mempunyai pengalaman yang sama. Panduan Keupayaan mempunyai senarai kumpulan sokongan tidak formal yang boleh disertai oleh adik-beradik untuk berkongsi perasaan dan pengalaman mereka dengan sekumpulan rakan penjaga.
- Terangkan mengapa mungkin terdapat jangkaan dan peraturan yang berbeza dalam keluarga.
- Fahami dan terima bahawa akan ada persaingan adik-beradik yang normal dan pertengkaran anak-anak yang biasa. Ini adalah perkara yang berlaku di kalangan adik-beradik dalam meningkat dewasa.

- Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara menyokong anak anda yang berkembang secara biasa, klik [di sini](#).

#### **Menjaga kehidupan keluarga anda.**

Anak dengan DN mungkin akan memberi tekanan terhadap kehidupan keluarga. Akan terdapat beberapa penyesuaian malah perubahan yang berkekalan pada rutin dan amalan keluarga.

- Seberapa boleh, bina rutin keluarga yang tetap dan mampan yang memenuhi keperluan anak anda dengan DN.
- Dengan perancangan kreatif, aktiviti keluarga boleh menjadi menyeronokkan dan inklusif.

#### **Membina ekosistem sokongan anda.**

Ia memerlukan satu kampung untuk membesarkan anak, terutamanya yang mempunyai DN. Tiada penjaga yang harus bersendirian. Himpunkan sokongan di sekeling anda, anak anda dan keluarga anda seawal mungkin.

- Anda boleh menyertai kumpulan sokongan penjaga untuk mendapatkan sokongan emosi dan petua serta strategi praktikal daripada penjaga-penjaga lain yang melalui perkara yang sama.

Untuk lebih banyak sumber berkaitan keibubapaan, klik [di sini](#).

Kadang-kadang perkara mungkin tidak berjalan seperti yang dirancang dan anda mungkin perlu meminta lebih banyak sokongan. Kaunseling ialah satu cara anda boleh berbincang dengan seseorang tentang apa yang anda alami, dan ia juga merupakan cara untuk membantu mengeratkan ikatan kekeluargaan.

- Ramai pasangan mendapati bahawa kaunseling perkahwinan membantu dalam mengatasi konflik rumah tangga dan keluarga serta meningkatkan komunikasi antara satu sama lain.
- Kaunseling keluarga boleh membantu untuk:
  - Memudahkan penyelesaian konflik keluarga yang didapati sukar untuk diuruskan sendiri secara berkesan.
  - Mengatasi kesan perceraian atau perpisahan.
  - Mengatasi penyakit atau cabaran serius.
  - Membenarkan keluarga untuk memahami, membantu dan menyokong seseorang yang mempunyai masalah kesihatan psikologi.





Jika anda memerlukan seseorang untuk berbincang, anda boleh merujuk kepada senarai perkhidmatan kaunseling penjaga yang tersedia dalam Panduan Keupayaan.

Jika anda atau ahli keluarga anda bergelut dengan masalah kesihatan mental yang serius, seperti kemurungan atau kebimbangan, sila dapatkan bantuan daripada pakar psikologi atau pakar psikiatri di poliklinik atau hospital.



## Apa Yang Anda Boleh Lakukan

### Mengendalikan Reaksi Orang

Orang ramai akan memberi reaksi dan respons yang berbeza terhadap keperluan anak anda. Sebilangan orang mungkin bersikap terbuka dan menyokong manakala sebilangan orang mungkin memberi respons yang negatif. Jika anda bersedia untuk menghadapi semua jenis reaksi, anda akan dapat memberi respons seperti yang anda inginkan.

Apabila seseorang membuat komen yang membantu atau positif, adalah baik untuk memberi respons dengan cara yang membuka perbualan. Walau bagaimanapun, jika seseorang membuat komen yang tidak membantu atau menyakitkan hati, walaupun degan tidak sengaja, adalah perkara biasa untuk berasa kecewa. Tidak ada cara yang sempurna untuk memberi respons. Berikut ialah beberapa strategi tentang cara mengendalikan komen ini:

- ❑ Buat pilihan untuk menempuh atau mengelak pertembungan
- ❑ Gunakan peluang untuk mendidik
- ❑ Gunakan respons yang generik
- ❑ Memilih untuk tidak memberi respons
- ❑ Ambil masa sebelum memberi respons
- ❑ Berbincang dengan seseorang yang menyokong

Untuk maklumat lanjut tentang strategi ini, lawati Sumber Keibubapaan Keluarga Sepanjang Hayat.

### Melibatkan Keluarga Anda

- ❑ Keluarga adalah bahagian penting dalam penjagaan. Mungkin berguna untuk menjelaskan jangkaan ahli keluarga dan peranan mereka dalam menyokong anak anda.
- ❑ Sekiranya terdapat ketegangan dalam keluarga atau jika anda berasa sangat tertekan, anda boleh mempertimbangkan untuk membincangkan kebimbangan anda dengan seorang profesional. Pakar psikologi, kaunselor atau pekerja sosial boleh membantu anda mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang perasaan dan tindakan anda, memberikan perspektif yang berbeza tentang situasi anda dan bekerjasama dengan anda sepanjang perjalanan anda.

# BAGAIMANA ANDA BOLEH MENJAGA DIRI ANDA

**Ketahui, terima, dan jaga diri anda.** Sebagai penjaga, anda mungkin sukar mencari masa untuk berehat. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk anda berehat kerana menjaga kesejahteraan emosi, psikologi dan fizikal anda sendiri perlu untuk memastikan anda terus boleh melakukannya dalam jangka masa panjang untuk diri anda dan anak anda. **Jaga diri anda pada masa yang sama anda memberikan kasih sayang dan tenaga**

**Kepada anak anda. Ingat bahawa anda juga mempunyai keperluan. Menjaga diri sendiri tidak bermakna mementingkan diri sendiri. Jika anda tidak yakin, ingat bahawa anda boleh menjaga anak anda dengan lebih baik jika anda sendiri berada dalam keadaan yang baik.** Adalah penting untuk memperuntukkan masa bagi segarkan semula fizikal, mental dan bateri emosi anda. Beberapa saranan penjagaan diri boleh didapati di bawah:

- ◆ Jaga kesihatan anda dengan mendapatkan rehat yang cukup, makan secara teratur dan bersenam.
- ◆ Pastikan anda mempunyai masa lapang dan lakukan perkara yang anda gemari. Sebagai ibu bapa kepada anak dengan keperluan pembangunan (DN), anda mungkin akan menghabiskan banyak tenaga dan masa menjaga anak anda dan memastikan dia mendapat sokongan dan peluang yang terbaik. Adalah penting untuk mencari cara untuk segarkan semula, berehat dan menikmati kegembiraan sepanjang hari. Jika anda tidak mempunyai banyak masa, anda boleh melakukan aktiviti yang lebih singkat.
- ◆ Kekal berhubung dengan rakan anda dan serta kumpulan sokongan.
- ◆ Peruntukkan masa dan ruang untuk membuat renungan dari masa ke masa. Refleksi kendiri boleh membantu anda memperlakukan diri dan tidak terganggu, walaupun hanya 5 hingga 10 minit sehari.
- ◆ Menyedari bahawa sebagai ibu bapa kepada anak dengan DN, anda akan membuat keputusan dan kesilapan tetapi anda akan belajar sepanjang perjalanan.
- ◆ Menangani masa tertekan:
  - Fahami pencetus anda sendiri dan ambil perhatian terhadap kepercayaan, jangkaan, keperluan dan sumber sokongan, dan tekanan peribadi anda. Buat penyesuaian yang diperlukan dan tetapkan matlamat yang realistik terhadap diri anda.
  - Minta bantuan profesional mengenai emosi anda, terutamanya jika anda tidak mampu untuk mengatasi masalah atau mengalami keletihan.
  - Sediakan tempat peribadi di rumah anda atau di tempat lain sebagai sudut "segarkan semula emosi" anda sendiri.
  - Apabila anda berasa sedih, anda boleh berehat, segarkan semula badan, kemudian bangun dan cuba lagi apabila anda sudah bersedia.

Sumber: Petua Penjagaan Diri, Agensi Penjagaan Bersepadu (Agency for Integrated Care) (aic.sg), 2020.



## Semakan Emosi

Pada beberapa ketika dalam perjalanan penjagaan anda, anda mungkin berasa keliru tentang jumlah maklumat yang orang berikan kepada anda. Anda mungkin tidak pasti tentang apa yang perlu dilakukan seterusnya. Sekiranya anda mula berasa tertekan atau mendapati diri anda mengalami keletihan, berbincang dengan seseorang atau

berhubung dengan penjaga-panjaga lain dan pakar profesional yang mampu menyokong dan bersama dalam perjalanan anda. Jaga diri anda sebaik mungkin. Tempoh ini boleh menakutkan dan mengelirukan dan mendapat sokongan yang betul boleh memainkan peranan penting dalam kesejahteraan anda.

# MERANCANG PERJALANAN PENJAGAAN SEUMUR HIDUP YANG MAMPAH

Anak anda akan melalui pelbagai pencapaian seperti peralihan ke tahun persekolahan dan pekerjaan. Sebilangan kanak-kanak memerlukan sokongan dan penjagaan jangka panjang melangkaui pencapaian pendidikan formal mereka. **Bagi kanak-kanak ini, penting juga untuk memikirkan secara serentak, perkara utama yang lain untuk masa hadapan mereka.** Ini termasuk perkara berikut:

## Perancangan Kewangan

- Mulakan perancangan kewangan keluarga anda sewal mungkin jika anda berpendapat anak anda memerlukan penjagaan jangka panjang. Pertimbangkan langkah-langkah untuk dilaksanakan bagi memastikan anak anda terus menerima peruntukan kewangan dan insurans. Juga ketahui lebih lanjut tentang pelepasan cukai yang anda layak terima. Adalah berguna untuk memahami dan memanfaatkan skim kewangan yang tersedia ada untuk anda dan anak anda.
- Untuk perancangan kewangan jangka panjang, pertimbangkan pelan penjagaan anak anda dan gaya hidup

yang ingin anda teruskan pada tahun-tahun akan datang.

- Anda mungkin ingin mendapatkan nasihat dan saranan pakar profesional daripada Syarikat Amanah Keperluan Khas (Special Needs Trust Co.) untuk mengetahui pilihan yang paling sesuai untuk anda dan anak anda.
- Anda juga mungkin ingin meneroka program percuma yang ditawarkan oleh Institut Celik Kewangan (Institute for Financial Literacy) untuk mengetahui lebih lanjut tentang perancangan kewangan dan pengurusan wang.

## Penjagaan jangka panjang untuk anak anda

- Pertimbangkan untuk merancang tentang cara membuat keputusan bagi anak anda selepas dia mencapai umur 21 tahun. Anda boleh merujuk halaman ini mengenai pelantikan timbalan bagi maklumat lanjut.
- Pertimbangkan penulisan wasiat dan Surat Kuasa Berkekalan (LPA) untuk memastikan anak anda dijaga dalam jangka masa panjang.



## Apa Yang Anda Boleh Lakukan

- Rujuk kepada penasihat kewangan anda untuk mengetahui lebih lanjut dan memohon polisi insurans yang relevan untuk anda dan anak anda.
- Berunding dengan peguam yang arif dengan perancangan penjagaan undang-undang untuk mengetahui lebih lanjut tentang menulis wasiat dengan peruntukan khas untuk anak anda dan perkara-perkara lain yang perlu dirancang, cth. LPA dan pelantikan timbalan.



## Bacaan dan Maklumat Lanjut

- Panduan Keupayaan menyusun **pencapaian penting** yang akan dilalui oleh anak anda dan pelbagai pertimbangan pada setiap pencapaian, termasuk pilihan persekolahan.
- Peta Navigasi SG Enable membantu menghalalkan anda kepada pihak yang akan dapat membantu dan menyokong anda, berdasarkan bidang keperluan anda (untuk senario biasa yang mungkin dihadapi oleh penjaga-penjaga).
- CareShield Life ialah insurans penjagaan jangka panjang yang menyediakan perlindungan kewangan terhadap kos penjagaan jangka panjang warga Singapura sekiranya berlaku hilang upaya yang teruk.
- Panduan Keupayaan menyenaraikan bantuan kewangan dan sokongan yang tersedia ada bagi anda merancang untuk masa hadapan.

## BAB 1 LAMPIRAN

### CONTOH ISU PEMBANGUNAN

#### 1. Kelewatan Pertuturan dan Bahasa

Kelewatan pertuturan dan bahasa dalam kanak-kanak prasekolah merujuk kepada kesukaran dalam pemerolehan dan penggunaan bahasa pertuturan. Kesukaran harus jelas dalam bahasa utama kanak-kanak tersebut; jika kesukaran ini dilihat dalam bahasa yang tidak biasa digunakan oleh kanak-kanak, ia mungkin disebabkan oleh kekurangan pendedahan kepada bahasa tersebut. Kelewatan pertuturan dan bahasa mungkin melibatkan salah satu atau gabungan yang berikut:

- Kesukaran memahami bahasa dinyatakan sebagai kesukaran mengikuti arahan atau masalah memahami soalan.
- Kesukaran menggunakan bahasa dinyatakan sebagai kesukaran untuk meluahkan perasaan kerana kosa kata yang terhad untuk berkongsi idea atau untuk menjawab soalan.
- Kelewatan pertuturan mungkin disebabkan oleh kesukaran sebutan, mengakibatkan pertuturan yang tidak jelas dan kesukaran untuk difahami, atau kurang fasih dalam pertuturan (cth. gagap).

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- HealthHub: Apabila kanak-kanak bertatih mula bercakap
- NUH: Kesukaran Pertuturan dan Bahasa
- NUH: Gangguan Bunyi Pertuturan (Artikulasi)
- NUH: Gagap

#### 2. Masalah Lewat Perkembangan

Masalah Lewat Perkembangan (Global Developmental Delay (GDD)) didiagnosiskan apabila kanak-kanak, lazimnya di bawah umur lima tahun, gagal mencapai tahap perkembangan yang dijangkakan dalam dua atau lebih domain perkembangan. Kelewatan harus berterusan (sekurang-kurangnya selama enam bulan) dan ketara. Domain perkembangan termasuk: kemahiran sosial/peribadi, kemahiran motor kasar dan halus, pertuturan/bahasa, kognisi dan aktiviti kehidupan sehari-hari. Faktor persekitaran yang mungkin berubah dari masa ke masa dan intervensi mungkin juga mempengaruhi trajektori perkembangan dan hasil kelak. Diagnosis GDD biasanya disemak dan dinilai semula oleh profesional perubatan apabila kanak-kanak menghampiri umur bersekolah.

#### ③ Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- Panduan Keupayaan: Kelewatan Perkembangan

#### 3. Autisme

Autisme adalah kondisi spektrum, yang bermakna bahawa kesan autisme dan tahap kesukaran berbeza daripada individu kepada individu. Autism menjejaskan perkembangan otak, memberi kesan kepada cara kanak-kanak berkomunikasi dan berhubung dengan orang lain, dan cara mereka menghadapi dunia di sekeliling mereka. Ciri-ciri utama autisme ialah:

- Kesukaran yang berterusan dalam komunikasi sosial dan interaksi sosial sepadan; dan
- Corak tingkah laku, minat atau aktiviti yang terhad dan berulang.

Ciri-ciri autisme boleh diperhatikan pada peringkat bayi dan kanak-kanak, tetapi bagi sebilangan kanak-kanak, ciri-ciri ini hanya menjadi jelas apabila mereka lebih tua.

#### ④ Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- ARC: Apa itu Autisme?
- HealthHub: Gangguan Spektrum Autisme
- NUH: Gangguan Spektrum Autisme

#### 4. Kesukaran dalam Pembelajaran

Kesukaran dalam pembelajaran merujuk kepada kelewatan dalam kemahiran akademik seperti membaca dan menulis. Kanak-kanak mungkin mengalami masalah pembelajaran jika kelewatan berterusan walaupun kemahiran perkembangan dan keupayaan intelek yang mencukupi, pengajaran yang mencukupi, dan usaha yang munasabah daripada kanak-kanak tersebut.

#### ⑤ Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- DAS: Disleksia
- NUH: Kesukaran Membaca

#### 5. Kecacatan Deria

Dua jenis kerosakan deria yang utama ialah kurang daya upaya visual dan kehilangan pendengaran. Kanak-kanak yang mengalami kecacatan deria sedemikian ada kala kehilangan separuh penglihatan atau pendengaran,

atau sepenuhnya. Isu dengan penglihatan dan pendengaran biasanya dikesan semasa pemeriksaan perkembangan yang disyorkan secara nasional di poliklinik, Doktor Swasta (GP) atau pakar pediatrik dan selepas itu ditangani.

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- Panduan Keupayaan: Kecacatan Deria
- SAVH: Apa itu Visi Rendah
- SADeaf: Tentang Pekak

## 6. Palsi Serebrum

Palsi serebrum merujuk kepada sekumpulan gangguan yang menjelaskan pergerakan dan postur fizikal. Ia disebabkan oleh penyakit atau kerosakan pada otak sebelum atau semasa kelahiran, atau awal hayat. Palsi serebrum mungkin disertai dengan cabaran dalam sensasi, persepsi, kognisi, komunikasi, dan tingkah laku, serta dengan sawan, masalah pundi kencing dan usus, dan dengan masalah otot atau struktur tulang.

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- CPAS: Memahami Palsi Serebrum

## 7. Kesukaran dengan Kemahiran Motor

Kanak-kanak mungkin mengalami kesukaran dengan kemahiran motor kasar, kemahiran motor halus, atau kedua-duanya. Kemahiran motor kasar diperlukan untuk aktiviti seperti berlari, melompat, berbasikal dan berenang. Kemahiran motor halus diperlukan untuk aktiviti ringan seperti menulis, melukis, menggunakan gunting, serta mengikat butang dan tali kasut. Sebilangan kanak-kanak juga mungkin kelihatan kekok dan mengalami kesukaran dengan koordinasi.

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- NUH: Kesukaran Tulisan Tangan
- Health Exchange: Koordinasi & Keseimbangan

## 8. Sindrom Down

Sindrom Down ialah masalah genetik yang berkaitan dengan pelbagai tahap kerosakan intelek serta isu fizikal dan perkembangan. Individu dengan Sindrom Down mempunyai kromosom tambahan serta ciri fizikal dan ciri muka. Sebilangan individu dengan Sindrom Down juga mungkin mengalami masalah kesihatan seperti masalah jantung dan kurang daya upaya visual atau kehilangan pendengaran.

Ujian untuk Sindrom Down boleh dilakukan semasa kehamilan.

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- DSAS: Tentang Sindrom Down

## 9. Masalah Emosi

Masalah emosi mungkin kelihatan seperti jengkel (mudah marah atau kecewa), seabak, kebimbangan, atau kurang minat dalam aktiviti bermain sehingga menjejaskan kehidupan harian anak anda. Mungkin sukar untuk membezakan emosi biasa (cth. ketakutan biasa) daripada masalah emosi yang ketara, seperti kesukaran yang berterusan untuk berpisah dengan penjaga dan ketakutan untuk pergi ke sekolah (atas pelbagai sebab) dalam tempoh yang lama.

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- NUH: Mengurus Kebimbangan pada Kanak-kanak

## 10. Tingkah Laku Yang Mengganggu

Tingkah Laku Yang Mengganggu terutamanya tingkah laku yang dipaparkan secara luaran dan/ atau terhadap orang lain. Ini boleh termasuk hiperaktif, tingkah laku impulsif, tantrum, membangkang, dan ketidakpatuhan terhadap orang yang berkuasa seperti pendidik dan ibu bapa, serta tingkah laku agresif terhadap rakan sebaya dan orang dewasa.

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- IMH: Apa itu tingkah laku yang mengganggu

## 11. Kecacatan Intelek

Kecacatan intelek merujuk kepada batasan fungsi kognitif dan fungsi penyesuaian (yang merangkumi keupayaan untuk menjalankan aktiviti harian seperti menjaga diri, mengelakkan bahaya, komunikasi, dan berinteraksi dengan orang lain). Kecacatan intelek sering dikenal pasti pada individu yang mempunyai diagnosis lain seperti autisme, palsi serebrum dan Sindrom Down. Tahap keupayaan, keperluan dan sokongan yang diperlukan untuk berfungsi dalam kehidupan sehari-hari adalah bergantung kepada tahap kecacatan intelek. Kecacatan intelek diperiksa pada kanak-kanak yang lebih tua apabila ujian IQ boleh dijalankan.

#### ② Sumber lanjut boleh didapati di bawah:

- NUH: Kecacatan Intelek

## **12. Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif**

Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif ialah masalah perkembangan saraf yang dicirikan oleh simptom kurang perhatian, hiperaktif dan impulsif. Kadang-kadang ia mungkin ketara semasa tahun-tahun prasekolah, terutamanya jika kanak-kanak itu hiperaktif. Ia sering menjadi lebih jelas semasa tahun persekolahan. Terdapat pelbagai isu yang berbeza:

- Isu tidak ambil peduli terutamanya termasuk gangguan dan kepayahan untuk memberi tumpuan kepada perkara yang tidak menarik minat kanak-kanak tersebut untuk jangka masa yang ditentukan.

- Isu hiperaktif-impulsif terutamanya termasuk menjadi hiperaktif iaitu sentiasa bergerak, berskap impulsif dengan tergesa-gesa melakukan sesuatu, atau menghadapi kesukaran untuk menunggu.
- Gabungan penyampaian merangkumi kedua-dua ketidakpedulian dan hiperaktif-impulsif.

### **(Q) Sumber lanjut boleh didapati di bawah:**

- *HealthHub: Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif*
- *Spark (ADHD)*
- *NUH: Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif*

## **BAB 4 LAMPIRAN**

Untuk lebih banyak video dan cerita tentang perjalanan penjagaan, anda boleh merujuk kepada Panduan Keupayaan.

### **Tanda-tanda Keletihan**

Anda mungkin mengalami keletihan jika anda mengalami satu atau lebih daripada tanda-tanda ini:

- Kebimbangan, kemurungan, cepat marah dan tidak sabar
- Sentiasa berasa penat
- Mengabaikan tanggungjawab dan keperluan anda
- Lebih kerap jatuh sakit
- Hilang minat dalam aktiviti yang pernah anda gemari
- Perubahan dalam corak tidur
- Perubahan dalam selera makan dan/atau berat badan
- Berasa tertekan, tidak berdaya atau putus asa
- Mengasingkan diri daripada rakan, keluarga, dan orang tersayang yang lain
- Berasa seperti hidup anda hanya berputar di sekitar penjagaan
- Sentiasa bimbang walaupun bantuan tersedia
- Ingin mencederak diri sendiri atau orang yang anda jaga

### **Ambil Rehat dari Penjagaan**

Bercuti daripada penjagaan – walaupun untuk tempoh yang singkat.

1. Anda juga boleh mempertimbangkan penjaga yang tinggal bersama. Konsesi Levi Pembantu Rumah Asing (FDWLC) dan Geran Penjagaan Rumah (HCG) ialah skim kewangan yang tersedia untuk menyokong anda.
2. Pod Penjaga di Enabling Village tersedia untuk memberikan penjaga ruang dengan pelbagai fungsi untuk menikmati rehat sementara penerima penjagaan mereka terlibat dalam aktiviti.
3. Pilihan bantuan penjagaan seperti perkhidmatan penjagaan rumah profesional yang diawarkan oleh Persatuan Kebajikan Orang Kurang Upaya tersedia ada.



MINISTRY OF  
SOCIAL AND FAMILY  
DEVELOPMENT



Ministry of Education  
SINGAPORE

## CIPTAAN KERJASAMA



SG ENABLE  
Inclusive society. Enabled lives.



ISBN: 978-981-18-6583-1

Hak cipta © 2022 oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga dan Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak.

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan semula atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, salinan, rakaman atau cara lain tanpa kebenaran Kementerian Sosial dan Pembangunan Keluarga dan Agensi Pembangunan Awal Kanak-Kanak.

Semua maklumat dalam buku ini adalah tepat pada Mac 2022.

